# JAWAPAN

# KERTAS MODEL SPM

# SEJARAH

## KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA SET 1

### Kertas 1

**1** **C** Kerajaan merupakan salah satu ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka. Kerajaan muncul disebabkan oleh adanya raja. Raja merupakan pemerintah tertinggi dan dibantu oleh pembesar. Selepas kedatangan Islam, pemerintah Kesultanan Melayu Melaka mula menggunakan gelaran sultan. Sistem pentadbiran kerajaan yang tersusun menjadikan Melaka sebagai empayar yang terkenal.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 6*

**2** **A** Warna, nobat, regalia merupakan lambang kebesaran zaman Kesultanan Melayu Melaka. Lambang kebesaran merupakan identiti sesebuah kerajaan dan keistimewaan Sultan Melaka disamping menjadi simbol kedaulatan sultan yang memerintah. Selain daripada penggunaan warna, nobat, dan regalia, adat istiadat dan cap mohor juga merupakan lambang kebesaran Kesultanan Melayu Melaka.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 7*

**3** **D** *Satyagraha* bermaksud berpegang teguh kepada kebenaran. Konsep *satyagraha* menjadi asas perjuangan tanpa keganasan yang digunakan oleh Mahatma Gandhi semasa penentangan penjajahan di India.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 26*

**4** **A** Ibrahim Haji Yaakob dan Ishak Haji Muhammad merupakan antara tokoh dalam pertubuhan sosioekonomi oleh golongan berpendidikan Inggeris dan Melayu yang menggerakkan kesedaran nasionalisme di negara kita. Walaupun menghadapi kekangan kewangan, halangan undang-undang dan pengawasan ketat pemerintah, perjuangan mengkritik dan menyedarkan masyarakat tetap diteruskan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 33*

**5** **B** Perjanjian Versailles ditandatangani antara Pakatan Bertiga dengan Jerman pada 28 Jun 1919. Perjanjian Versailles juga menetapkan penubuhan Liga Bangsa-Bangsa untuk menggalakkan keamanan dan kerjasama antarabangsa.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 56*

**6** **C** Kedatangan Jepun ke negara kita bertujuan memenuhi keperluan ekonomi dan kepentingan strategik ketenteraan akibat sekatan ekonomi yang dikenakan oleh pihak Bersekutu terhadap Jepun. Dalam usaha menjayakan misi ini, Jepun menggunakan propaganda seperti penggunaan slogan "Semangat Asia" dan "Asia untuk Orang Asia". Propaganda Jepun menanamkan semangat antipenjajah Barat dan menonjolkan imej Jepun sebagai pembela negara Asia. Hal ini akan memudahkan rakyat memberikan sokongan kepada pihak Jepun.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 68*

7 D Gagasan Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu bagi menggantikan BMA. British berhasrat agar Malayan Union akan melicinkan sistem pentadbiran, meningkatkan pelaburan ekonomi, mengukuhkan pertahanan dan mengekalkan orang asing sebagai sumber tenaga kerja untuk meningkatkan ekonomi.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 96*

8 D Terdapat beberapa faktor yang menyokong penyerahan Sarawak, iaitu untuk memajukan negeri dan penduduk tempatan serta memberikan peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 99 & 113*

9 C Sebuah Jawatankuasa Kerja dibentuk untuk merangka perjanjian persekutuan Tanah Melayu. Matlamat penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Jawatankuasa Kerja terdiri daripada wakil Raja-raja Melayu, wakil UMNO dan pegawai kanan British.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 126*

10 C Terdapat 2 jenis kewarganegaraan yang menjadi asas kepada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Pertama, Kewarganegaraan Secara Kuat Kuasa Undang-undang yang mana terbuka kepada Rakyat Raja dan Rakyat British. Kewarganegaraan Secara Pendaftaran pula bagi mereka yang dilahirkan dalam Persekutuan Tanah Melayu dan bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonannya.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 135*

11 D Sejak Undang-Undang Darurat dikuatkuasakan, lombong bijih timah dan ladang getah menjadi sasaran utama serangan komunis untuk melemahkan ekonomi British. Komunis menyerang 80 lombong bijih antaranya di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Mereka merosakkan pokok getah, kilang estet, rumah asap, rumah kongsi, kedai dan sekolah serta membunuh pekerja. Tindakan komunis ini menyebabkan pekerja lombong dan ladang getah menderita. Selain mengganggu kerja harian di lombong dan ladang, nyawa mereka turut terancam.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 140*

12 A Kegagalan Partai Komunis Indonesia (PKI) menguasai Pulau Jawa (1926) menyebabkan PKI berusaha untuk membuka cawangan di Tanah Melayu. Namun begitu, usaha mereka tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu kerana komunis menggunakan kekerasan untuk mencapai matlamat mereka.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 146*

13 C Sistem Ahli merupakan proses memupuk perpaduan kaum kerana ahlinya terdiri daripada gabungan pemimpin pelbagai kaum.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178*

14 C Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 mengemukakan teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan dengan hasrat memupuk integrasi dan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum melalui sistem persekolahan yang sama bagi kanak-kanak daripada semua bangsa, bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dan kandungan kurikulum yang seragam dan bercorak kebangsaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 183*

15 D Pada 1 Februari 1954, Jawatankuasa Pilihan Raya telah dibentuk dengan 46 orang ahli. Tugas jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji hal ehwal pilihan raya yang akan dijalankan. Jawatankuasa Pilihan Raya ini mengeluarkan dua bentuk penyata susunan MPP yang dinamakan Bentuk A dan Bentuk B.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 198*



© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**16 D** Kesan Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan ialah, Kerajaan diketuai oleh Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri dan akan mengambil alih tugas pentadbiran Tanah Melayu daripada Pesuruhjaya Tinggi British; Kuasa pegawai British kini beransur-ansur dipindahkan kepada rakyat tempatan; Sistem Ahli dimansuhkan. Keanggotaan MPP menyaksikan perkembangan penting amalan pentadbiran demokrasi di negara kita. Keadaan ini menggambarkan kejayaan Kerajaan Persekutuan yang dibentuk dan dipimpin oleh rakyat tempatan, manakala ahlinya dipilih oleh rakyat.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 204*

**17 D** Rombongan kemerdekaan Tanah Melayu diketuai oleh Tunku Abdul Rahman. Beliau merancang perjalanan rombongan ke Karachi dengan menaiki kapal laut. Tujuan beliau menyusun perjalanan sebegini agar dapat menggunakan masa pelayaran untuk berbincang dengan wakil Raja-raja Melayu. Tunku Abdul Rahman berbuat demikian bagi mendapatkan persetujuan supaya kedua-dua pihak dapat menyusun strategi bersama-sama apabila berunding dengan kerajaan British.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 217*

**18 B** Rundingan kemerdekaan berlangsung dari l8 Januari 1956 hingga 6 Februari 1956, antara wakil Raja-raja Melayu, Parti Perikatan dengan British di Lancaster House, London.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 218*

**19 D** Kemerdekaan negara tercapai kerana sumbangan tokoh-tokoh nasionalis negara. Sumbangan tokoh-tokoh ini perlu dihargai dan disanjung generasi pada masa kini dapat mengenali sejarah negara dan mengukuhkan jati diri.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 235*

**20 C** Manfaat dari Perjanjian Anglo Malayan Defence Agreement (AMDA) yang ditandatangani antara Persekutuan Tanah Melayu dan Britain pada tahun 1957 bertujuan untuk membentuk pertahanan negara. Hal ini kerana sebelum merdeka negara kita dilindungi melalui pembentukan kerjasama pertahanan Britain. Australia dan New Zealand. Selepas merdeka, Tunku Abdul Rahman ingin mengekalkan hubungan baik dengan Britain dan negara Komanwel. Keadaan negara yang belum mempunyai kekuatan pertahanan menyebabkan negara memerlukan bantuan Britain.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 243*

**21 D** Maksud kedaulatan dalam Bahasa Yunani ialah supernuus atau superanus yang bermaksud agung atau tertinggi. Perkataan ini merujuk negara yang bebas dan merdeka. Di dalam Bahasa Melayu kedaulatan merujuk perkataan daulat yang bermaksud kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara. Perkataan kedaulatan dalam bahasa Arab berasal daripada kata daulah yang bermaksud kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan. Oleh itu persamaan melalui ketiga-tiga bahasa ini adalah berkaitan dengan kuasa pemerintahan tertinggi.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 4*

**22 A** Ciri negara yang berdaulat ialah mempunyai pemerintahan, mempunyai sempadan, mempunyai perundangan dan mempunyai rakyat yang menjadikan negara kita sebagai sebuah negara bebas dan berdaulat.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 8*

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**23 D** Perlembagaan Persekutuan berasaskan nilai tradisi Kesultanan Melayu dan kemudiannya beberapa prinsip undang-undang Inggeris disesuaikan dengan nilai tempatan. Undang-undang yang wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka mempengaruhi kandungan undang-undang bertulis di negeri Melayu yang lain. Antara undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu termasuklah Hukum Kanun Pahang, Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Johor dan Undang-Undang 99 Perak.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 22*

**24 C** Kewarganegaraan Persekutuan mula diperkenalkan pada tahun 1948 melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Sebelum itu, tidak terdapat satu kewarganegaraan yang sama bagi seluruh negara. Rakyat dikategorikan sebagai rakyat raja dan terdapat juga penduduk yang mendapat kerakyatan British sekiranya dilahirkan di Melaka atau Pulau Pinang. Kemerdekaan Tanah Melayu dan pembentukan Malaysia melahirkan taraf kewarganegaraan yang sama kepada rakyatnya.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 28*

**25 A** Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa atau peranan yang luas dalam pemerintahan negara meliputi kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman. Yang di-Pertuan Agong bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri dan bertindak atas budi bicara baginda tanpa mendengar atau menurut nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 48*

**26 A** Kuasa pemerintahan di negara kita dibahagikan kepada tiga badan, iaitu badan perundangan (legislatif), eksekutif (pelaksana) dan kehakiman (judisiari). Badan eksekutif ialah badan pemerintah yang melaksanakan kuasa eksekutif mengikut Perlembagaan Persekutuan. Badan eksekutif peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Jemaah Menteri manakala badan eksekutif peringkat Kerajaan Negeri ialah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Tugas utama badan eksekutif adalah menggubal dasar negara dan melaksanakan pembangunan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 54*

**27 C** Northern Corridor Economic Region (NCER), East Coast Economic Region (ECER) dan Sabah Development Corridor (SDC) merupakan sebahagian dari Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah dalam Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui Kerjasama Pembangunan Sosioekonomi. Kerjasama ini berlandaskan projek pembangunan. Pembangunan Koridor Wilayah merupakan perancangan strategik jangka panjang yang memberikan tumpuan kepada pembangunan di negeri dan wilayah yang kurang pesat untuk mewujudkan keseimbangan pembangunan negeri dan wilayah.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 73*

**28 C** Sejak negara mencapai kemerdekaan, Perlembagaan Persekutuan diangkat sebagai undang-undang tertinggi bagi mentakrifkan prinsip Persekutuan dan pentadbiran negara. Undang-undang yang digubal oleh Parlimen dan DUN tidak boleh bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Parlimen dan DUN tidak boleh menggubal undang-undang yang bercanggah antara satu sama lain. Perlembagaan Persekutuan menjadi rujukan utama apabila berlaku ketidakselarasan antara undang-undang Persekutuan dengan undang-undang Negeri. Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan menyebutkan bahawa jika mana-mana undang undang Negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan hendaklah mengatasi undang-undang Negeri.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 80*


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**29 B** Pembentukan Malaysia yang sepatutnya diisytiharkan pada 31 Ogos 1963 ditangguhkan kerana laporan Setiausaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hanya dapat disiapkan pada 14 September 1963. Pada 14 September 1963, misi ini menerbitkan laporan penduduk Sarawak dan Sabah yang menerima pembentukan Malaysia. Hal ini adalah disebabkan Indonesia membuat bantahan rasmi pembentukan Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang membawa kepada penilaian sekali lagi oleh United Nations Malaysia Mission (UNMM).

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 104*

**30 A** Majlis menandatangani perjanjian Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia – Malaysia oleh Tun Abdul Razak Hussein dan Adam Malik disaksikan oleh Jeneral Suharto yang diadakan di Jakarta, Indonesia bertujuan untuk menamatkan konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 109*

**31 A** Krisis perlembagaan berlaku di Sarawak pada bulan Jun 1966, apabila 21 orang ahli Council Negeri tidak berpuas hati dengan kepimpinan Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak. Krisis politik ini menyebabkan berlaku ketidakstabilan di Sarawak yang mengancam keselamatan dan keamanan. Pada bulan September 1966, darurat diisytiharkan di Sarawak.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 118*

**32 C** Antara tanggungjawab MAGERAN termasuklah mengembalikan keamanan dan undang-undang; menentukan pentadbiran yang licin dalam negara; mengembalikan keharmonian dan kepercayaan antara kaum dalam negara; menggantung sementara penerbitan semua akhbar sehingga keadaan negara kembali tenang; menguatkuasakan Akta Hasutan 1948; dan Jabatan Penerangan menapis berita palsu dan menerangkan usaha kerajaan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 130*

**33 B** Laporan Rahman Talib masih mengekalkan teras sistem pendidikan kebangsaan untuk memupuk perpaduan dan integrasi. Antaranya ialah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada semua peringkat pendidikan; mengadakan kurikulum yang sama dan berorientasikan negara kita bagi semua jenis sekolah; penekanan kepada mata pelajaran Sejarah untuk menanam perasaan cinta dan kesetiaan terhadap negara; dan mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat untuk membentuk sikap bertoleransi, bekerjasama dan persefahaman antara kaum.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 145*

**34 B** Rukun Negara telah diisytiharkan secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong IV pada 31 Ogos 1970 bersempena dengan ulang tahun kemerdekaan yang ke-13. Rukun Negara dibentuk ekoran daripada peristiwa 13 Mei 1969. Rukun Negara ialah ideologi negara yang dibentuk sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menyatukan dan membimbing rakyat ke arah perpaduan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 157*

**35 D** Matlamat DPN adalah untuk mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan. Matlamat ini dapat dicapai melalui pembangunan seimbang antara negeri dan antara bandar dengan luar bandar melalui beberapa aspek. Matlamat DPN dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 174*

© Hak cipta SYSTEM PUBLICATIONS SDN. BHD.

**36 A** Pertanian pintar bermaksud penggunaan teknologi pintar bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian. Penggunaan biji benih berkualiti membolehkan sawah padi diusahakan empat kali setahun dan meningkatkan hasil padi negara. Jentera moden digunakan untuk membajak dan menuai. Jentera ini dikendalikan menerusi alat kawalan jauh. Proses menyembur racun dan baja pula dilakukan dengan penggunaan dron.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 179*

**37 B** Sebelum Kesultanan Melayu Melaka, kerajaan-kerajaan awal seperti P'an-p'an, Langkasuka dan Chih-t'u telah mengadakan hubungan dengan China. Pada tahun 424 Masihi, kerajaan P'an-p'an menghantar utusan ke China. Kerajaan Langkasuka pula menghantar utusan ke China pada 523 Masihi dan Chih-t'u pada tahun 608 Masihi. Penghantaran utusan ini menjadi bukti jelas wujudnya hubungan antara kerajaan-kerajaan tersebut dengan negara China.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 194*

**38 C** Penggubalan dasar luar negara ditentukan oleh perkembangan yang berlaku pada peringkat antarabangsa seperti ketika era Perang Dingin. Perang Dingin ialah konflik politik yang melibatkan dua kuasa, iaitu negara Blok Barat yang diterajui oleh Amerika Syarikat dengan negara Blok Timur yang diterajui oleh Kesatuan Soviet. Pada masa itu, dasar luar negara dilihat lebih probarat. Malaysia mengubah dasar daripada probarat kepada tidak berpihak berdasarkan perkembangan yang berlaku pada tahun 1970-an.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 197*

**39 A** Rakyat Malaysia turut menyatakan sokongan padu kepada rakyat Palestin. Mereka melakukan demonstrasi sebagai tanda sokongan kepada Palestin dan menubuhkan Tabung Palestin untuk mengutip sumbangan kewangan kepada mangsa Zionis di Palestin. Selain itu, rakyat Malaysia turut terlibat menghantar bantuan makanan dan perubatan ke Palestin menerusi program Freedom Flotilla, iaitu program kemanusiaan yang digerakkan oleh Free Gaza Movement yang ahlinya datang dari seluruh dunia.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 235*

**40 D** Malaysia tidak membenarkan perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan digunakan oleh kapal perang asing yang membawa senjata nuklear. Malaysia berasakan bahawa kedua-dua laluan tersebut perlu bebas daripada senjata nuklear. Malaysia bertindak untuk tidak membenarkan kapal yang membawa senjata nuklear berlabuh atau mengadakan latihan di perairan negara ini kerana boleh membawa konflik yang buruk kepada rantau Asia Tenggara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 244*

 © Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

## Kertas 2

### Bahagian A

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| **1**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 10–11* | F1 Undang-undang Laut Melaka<br>F2 Hukum Kanun Melaka<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyenaraikan dua undang-undang yang diguna pakai semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] | 2 |
| **1**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 10–11* | **Peranan Sultan dan Pembesar**<br>F1 Peranan penting dalam pentadbiran<br>F2 Arif dalam pelaksanaan undang-undang<br>F3 Sultan bertanggungjawab untuk melantik pembesar<br>F4 Bendahara / Temenggong / Laksamana / Penghulu Bendahari<br>**Peranan Nakhoda**<br>F5 Berkuasa penuh dan ibarat sebagai raja dalam pelayar<br>F6 Memberi arahan/ arahannya harus dipatuhi<br>F7 Diberi keutamaan untuk berniaga selama 4 hari<br>F8 Perlu mesyuarat jika tempat singgah tiada dalam senarai<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan peranan Sultan dan pembesar berdasarkan Hukum Kanun Melaka dan peranan Nakhoda menurut Undang-undang Laut Melaka.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | <br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **1**(*c*)<br>*KBAT* | H1 Menetapkan standard dan batasan setiap perkara<br>H2 Tidak berlaku penindasan<br>H3 Tiada salah guna kuasa<br>H4 Negara akan menjadi maju<br>H5 Dapat mewujudkan kestabilan politik<br>H6 Kemerdekaan negara dapat dikekalkan<br>H7 Kuasa asing tidak mudah campur tangan dalam urusan negara<br>H8 Rakyat lebih berdisiplin<br>H9 Rasuah/korupsi dapat dibendung<br>H10 Pemimpin dan rakyat bersatu padu<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan kepentingan mematuhi undang-undang untuk kesejahteraan negara.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **2**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 174* | F1 Mengkaji hubungan kaum secara mendalam<br>F2 Membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial supaya wujud pembahagian yang adil untuk semua komuniti<br>F3 Mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah dalam kalangan penduduk<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan matlamat pembentukan CLC.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br><br>1<br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] | 2 |
| **2**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 176-177* | F1 Mencadangkan peralihan ke arah berkerajaan sendiri dengan mengadakan pilihan raya secara berperingkat<br>F2 Bersetuju orang Melayu wajar mempunyai kedudukan istimewa kerana menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bahagi<br>F3 Mencadangkan penubuhan agensi untuk meningkatkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu<br>F4 Bersetuju memberi kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu bagi memupuk taat setia kepada Tanah Melayu | 1<br><br>1<br><br>1<br><br>1 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F5 Mencadangkan sistem pendidikan seragam untuk memupuk kesetiaan dan perpaduan kaum<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan peranan jawatankuasa tersebut dalam menyelesaikan pelbagai isu yang timbul akibat pertikaian antara kaum.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br><br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **2**(*c*)<br>*KBAT* | H1 Mempergiat aktiviti sukarelawan dan kebajikan<br>H2 Membangun kesedaran dan pemahaman<br>H3 Menerbitkan drama atau filem yang mempunyai elemen perpaduan antara kaum<br>H4 Mengadakan majlis rumah terbuka<br>H5 Memberikan hak yang sama rata tanpa mengenal kaum<br>H6 Menerapkan nilai-nilai budaya dalam kehidupan seharian<br>H7 Melaksanakan sistem pembelajaran/silibus yang membawa kepada perpaduan di sekolah.<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut. Calon boleh menambahkan huraian sendiri bagi setiap mesej tersebut.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **3**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 28-29* | (i)<br>F1 Kesultanan/pemerintahan beraja<br>F2 Sultan merupakan pemerintah berdaulat<br>F3 Memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing<br>F4 Selepas merdeka disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen<br>F5 YDPA sebagai pemerintah tertinggi negara<br>F6 Peringkat negeri, sultan/raja sebagai ketua negeri<br>F7 Bahasa Melayu<br>F8 Bahasa Melayu digunakan dalam pemerintahan KMM<br>F9 Bahasa Melayu mejadi bahasa lingua franca/bahasa ilmu<br>F10 Agama Islam<br>F11 Raja Melayu tidak perlu menerima penasihat British<br>F12 Selepas merdeka agama Islam diletakkan dibawah kuasa raja<br>F13 Bagi wilayah Persekutuan/negeri tidak beraja diletakkan dibawah kuasaYDPA.<br>F14 Kedudukan orang Melayu dan bumiputera<br>F15 Sebelum merdeka dibawah kuasa raja/ketua peribumi.<br>F16 Selepas merdeka, YDPA memelihara kedudukan istimewa orang Melayu bumiputera / kepentingan sah kaum lain.<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*]<br><br>(ii)<br>F1 Kerajaan Persekutuan<br>F2 Satu sistem kerajaan Persekutan diwujudkan<br>F3 Laporan Suruhanjaya Perlembagaan menyarankan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberikan kuasa dalam bidang tertentu<br>F4 Sarawak dan Sabah diberikan beberapa autonomi<br>F5 Demokrasi Berparlimen<br>F6 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan sistem demokrasi di Malaysia | <br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 3 *markah*]<br><br><br>1<br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br>1 | |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F7 Asas demokrasi ialah pilihan raya<br>F8 Tujuan untuk memberi kebebasan kepada rakyat memilih wakil pemimpin<br>F9 Menubuhkan kerajaan<br>F10 Kewarganegaraan<br>F11 Mula diperkenalkan pada tahun 1948 melalui perjanjian PTM<br>F12 Sebelum ini tidak terdapat satu kewarganegaraan yang sama<br>F13 Rakyat dikategorikan kepada rakyat raja dan rakyat British<br>F14 Selepas merdeka dan pembentukan Malaysia, lahir taraf kewarganegaraan yang sama kepada rakyatnya<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan ciri moden yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan di negara kita.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 3 *markah*] | 3 |
| 3(*b*)<br>*KBAT* | M1 Perlembagaan merupakan dokumen terbuka yang menghormati pandangan berbeza<br>M2 Penghayatan sejarahnya penting untuk memastikan hak semua rakyat Malaysia dihormati.<br>M3 Pendidikan awal mengenai semangat Perlembagaan dimulakan di sekolah dan keluarga<br>M4 Untuk membentuk kefahaman mendalam tentang perbezaan dan mencari titik persamaan.<br>U1 Mewujudkan pentadbiran yang mantap/ sistematik<br>U2 Menjamin keadilan rakyat dalam pemerintahan kerajaan<br>U3 Menjaga kebajikan rakyat<br>U4 Menjamin perpaduan negara dan bangsa<br>U5 Menjadi panduan dalam pemerintahan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan ulasan berdasarkan petikan tersebut. Calon boleh menambahkan ulasan/huraian sendiri bagi setiap maklumat yang diperolehi dari petikan tersebut.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| 4(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 148-149* | F1 Pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan<br>F2 Menjadi bahasa rasmi pentadbiran<br>F3 Memperkasa bahasa Melayu dalam sistem pendidikan<br>F4 Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)<br>F5 Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan usaha kerajaan dalam memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 3 *markah*] | 3 |
| 4(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 149* | F1 Memperkenalkan pengajian pelbagai jurusan dan bidang kursus dalam bahasa Melayu<br>F2 Penubuhan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM)<br>F3 Menjadikan UKM sebagai pusat penyelidikan dan rujukan dalam bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan tamadun Melayu<br>F4 IBKKM bertukar nama kepada Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)<br>F5 Menjadi tumpuan para penyelidik/ sasterawan/ karyawan/ budayawan<br>F6 Pengiktirafan terhadap tokoh UKMC Muhammad Haji Salleh/ Siti Zainon Ismail sebagai sasterawan negara<br>F7 Membuktikan UKM berjaya sebagai pusat keilmuan bahasa Melayu | 1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1 | |

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan oleh kerajaan dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] | 3 |
| **4**(*c*)<br>KBAT | M1 Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar<br>M2 Berkomunikasi melalui bahasa yang sama<br>M3 Memudahkan penyampaian maklumat<br>M4 Dalam pembelajaran di dalam kelas<br>M5 Memupuk kerjasama dalam kalangan rakyat berbilang kaum<br>M6 Bahasa kebangsaan digunakan dalam urusan rasmi<br>M7 Wajib digunakan untuk urusan rasmi di kementerian,jabatan dan agensi kerajaan<br>M8 Digunakan untuk urusan surat-menyurat/rasmi<br>M9 Semua rakyat mengamalkan penggunaan bahasa kebangsaan<br>M10 Menggalakkan hubungan lebih harmoni antara kaum<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan komen mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam memupuk perpaduan kaum.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |

**Bahagian B**

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| **5**(*a*)<br>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 22-23 | F1 Perasaan cinta yang mendalam pada bangsa dan negara<br>F2 Diertikan sebagai semangat kebangsaan yang menjelaskan sikap bangsa.<br>F3 Merujuk perjuangan menentang penjajahan.<br>F4 Pembelaan terhadap bangsa dan negara.<br>F5 Gerakan membebaskan tanah air dari kuasa politik/ekonomi / sosial daripada penguasaan orang asing.<br>F6 Kesetiaan ulung terhadap negara.<br>F7 Hak setiap bangsa menubuhkan negaranya sendiri.<br>F8 Perjuangan untuk mendapatkan<br>F9 Kembali kedudukan unggul negara sendiri.<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan maksud nasionalisme.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **5**(*b*)<br>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 28 | (i) Filipina<br>F1 Muncul untuk menghapuskan penjajahan asing.<br>F2 Tokoh nasionalis seperti Jose Rizal/ Andres Bonifacio/ Aguinaldo.<br>F3 Peringkat awal gerakan propaganda.<br>F4 Dipimpin oleh Jose Rizal.<br>F5 Menuntut Filipina dijadikan sebahagian wilayah Sepanyol<br>F6 Menuntut hak yang sama rata seperti bangsa Sepanyol.<br>F7 Menubuhkan Liga Sepanyol<br>F8 Mendesak Sepanyol lakukan perubahan politik, ekonomi dan sosial di Filipina.<br>F9 Gerakan Propaganda gagal dan telah mencetuskan gerakan yang lebih radikal.<br>F10 Dipimpin oleh Andres Bonifacio.<br>F11 Menubuhkan Katipunan/ gerakan revolusioner | <br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1 | |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F12 Memperoleh kemerdekaan melalui revolusi. | 1 | |
| | F13 Menggunakan akhbar Kalayan untuk sebar idea revolusi kepada rakyat Filipina. | 1 | |
| | F14 Bekerjasama dengan Emilio Aguinaldo memimpin Katipunan | 1 | |
| | F15 Melancarkan Revolusi Filipina untuk singkirkan pemerintahan Sepanyol tetapi gagal. | 1 | |
| | F16 Aquinaldo bekerjasama dengan Amerika Syarikat | 1 | |
| | F17 Berjaya mengusir Sepanyol. | 1 | |
| | F18 Aquinaldo isytiharkan kemerdekaan Filipina. | 1 | |
| | F19 Amerika Syarikat tidak iktiraf Perisytiharan Kemerdekaan Filipina | 1 | |
| | F20 Filipina diletakkan di bawah penguasaan Amerika Syarikat | 1 | |
| | F21 Golongan nasionalis mengubah strategi perjuangan dengan menggunakan cara diplomasi melalui parti politik sederhana. | 1 | |
| | F22 Kesannya, Sergio Osmena, pemimpin Parti Nasionalis | 1 | |
| | F23 Dilantik menganggotai Dewan Perhimpunan Filipina tahun 1907. | 1 | |
| | F24 Gerakan menuntut kemerdekaan diteruskan sehingga Perang Dunia Kedua. | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan perkembangan nasionalisme di Fillipina.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| | (ii) Thailand | | |
| | F1 Tidak bersifat antipenjajah | | |
| | F2 Memperjuangkan kemerdekaan | 1 | |
| | F3 Mempertahankan kedaulatan negara | 1 | |
| | F4 Menuntut pelibatan rakyat dalam pemerintahan | 1 | |
| | F5 Dipelopori oleh Raja Thailand melalui usaha diplomasi dan pemodenan | 1<br>1 | |
| | F6 Raja Mongkut membina hubungan baik dengan kuasa Barat British/ Amerika Syarikat/Perancis | 1 | |
| | F7 Memulakan pemodenan dengan melaksanakan birokrasi barat | | |
| | F8 Membawa masuk penasihat Barat/ melatih pegawai tempatan | 1 | |
| | F9 Bidang pentadbiran/kewangan/ Pelabuhan/ kastam, ketenteraan/ polis | 1<br>1 | |
| | F10 Melaksanakan sistem pendidikan Barat | | |
| | F11 Membentuk imej Thailand sebagai negara bersahabat dengan Barat | 1<br>1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan perkembangan nasionalisme di Thailand.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **5**(*c*)<br>*KBAT* | Isi Tersurat (Berdasarkan Petikan) | | |
| | M1 Nasionalisme mewujudkan masyarakat yang ingin mengekalkan kedaulatan sesebuah negara | 1 | |
| | M2 Menjamin kemerdekaan warganegaranya | 1 | |
| | M3 Membebaskan akal dan fikiran mereka | 1 | |
| | M4 Nasionalisme adalah semangat kebangsaan yang mencintai negara | 1 | |
| | M5 Nasionalisme merupakan semangat sanggup berjuang demi mempertahankan maruah negara | 1 | |
| | M6 Nasionalisme hari ini menentang penjajahan bentuk baharu seperti ekonomi | 1 | |
| | M7 Semangat kebangsaan penting untuk membentuk jati diri | 1 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | M8 Semua kaum di Malaysia harus mempunyai semangat kebangsaan | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan mesej yang terkandung dalam petikan. Calon perlu ambil maklumat dari petikan dan juga boleh memberikan pendapat sendiri berdasarkan petikan. | | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |
| **6**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 58-59* | F1 Kemunculan Ideologi Baharu | 1 | |
| | F2 Fasisme di Itali | 1 | |
| | F3 Pimpinan Benito Mussolini/ parti Fasis | 1 | |
| | F4 Berjaya menguasai kerajaan Itali | 1 | |
| | F5 Keutamaan kepada kepentingan negara melebihi kepentingan individu | 1 | |
| | F6 Percaya kepada nasionalisme melampau/ termasuk berperang bagi meningkatkan imej negara | 1 | |
| | F7 Meluaskan tanah jajahan dengan menguasai Habsyah (Ethiopia)/ Albania | 1 | |
| | F8 Nazisme di Jerman | 1 | |
| | F9 Pimpinan Adolf Hitler/ parti Nazi | 1 | |
| | F10 Membentuk kerajaan di Jerman | 1 | |
| | F11 Mengagungkan bangsa Jerman | 1 | |
| | F12 Memulihkan nasionalisme Jerman | 1 | |
| | F13 Membina angkatan tentera | 1 | |
| | F14 Menduduki Rhineland semula | 1 | |
| | F15 Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles | 1 | |
| | F16 Jerman menganggap Perjanjian Versailles tidak adil | 1 | |
| | F17 Menjejaskan kedaulatan negaranya | 1 | |
| | F18 Kehilangan tanah jajahan | 1 | |
| | F19 Pampasan perang yang tinggi | 1 | |
| | F20 Itali tidak puas hati terhadap Perjanjian Versailles | 1 | |
| | F21 Tidak diberi tanah jajahan baharu | 1 | |
| | F22 Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa | 1 | |
| | F23 Gagal menguatkuasakan perjanjian pelucutan senjata | 1 | |
| | F24 Gagal menangani krisis pencerobohan yang berlaku selepas Perang Dunia Pertama | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab berlakunya Perang Dunia Kedua di Eropah. | | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] | 6 |
| **6**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 60-61* | F1 Penaklukan Jerman terhadap Eropah Barat | 1 | |
| | F2 Jerman memulakan serangan Blitzkrieg/serangan kilat | 1 | |
| | F3 Mengebom sasaran musuh | 1 | |
| | F4 Serangan kereta kebal/tentera bermotosikal | 1 | |
| | F5 Menakluk negara di Eropah | 1 | |
| | F6 Menawan Poland / Denmark/ Norway/ Belanda/ Belgium/ Luxemboug/ Peranchis | 1 | |
| | F7 Pengeboman Britain | 1 | |
| | F8 Jerman melancarkan serangan udara/laut terhadap Britain | 1 | |
| | F9 Jerman menyerang dan memusnahkan pelabuhan/ kawasan perindustrian/ pertahanan udara Britain | 1 | |
| | F10 Menjejaskan ekonomi Britain | 1 | |
| | F11 Penyertaan Itali dalam Perang di Eropah | 1 | |
| | F12 Mengisytiharkan perang terhadap Britain/Perancis | 1 | |
| | F13 Itali menyerang Perancis melalui arah selatan | 1 | |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F14 Jerman menyerang Perancis dari arah utara<br>F15 Serangan Jerman ke atas Rusia<br>F16 Melancarkan Operasi Barbarossa/serangan besar-besaran<br>F17 Hitler mengarahkan lebih tiga juta tentera menyerang Rusia<br>F18 Dibantu oleh 3350 kereta kebal<br>F19 2270 kapal perang<br>F20 Disertai oleh tentera Finland/ Hungry/ Romania<br>F21 Menyasarkan bandar utama di Rusia<br>F22 Leningrad/ Moscow/ Stalingrad<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan perkembangan peristiwa Perang Dunia Kedua.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 6 *markah*] | 6 |
| **6**(*c*)<br>*KBAT* | M1 Pemimpin negara perlu mengamalkan sikap bertolak ansur<br>M2 Mengamalkan dasar berbaik-baik dengan semua negara<br>M3 Bersikap proaktif dalam menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara lain<br>M4 Sentiasa meningkatkan kerjasama dalam bidang keselamatan negara<br>M5 Bergiat aktif dalam menghantar misi bantuan kemanusiaan<br>M6 Bertanggungjawab dan sentiasa mengamalkan sikap yang terbuka<br>M7 Mementingkan rundingan antara pemimpin<br>M8 Membantu negara-negara yang dilanda krisis kemiskinan dan kekurangan makanan<br>M9 Mengekalkan keamanan dan kemakmuran serta kesejahteraan rakyat<br>M10 Peka dengan situasi semasa yang berlaku dalam atau luar negara<br>M11 Selesaikan konflik antara negara melalui rundingan<br>M12 Membawa isu konflik yang tidak dapat diselesaikan ke pengetahuan PBB<br>M13 Merujuk isu negara kepada Mahkamah Jenayah Antarabangsa<br>M14 Kurangkan penggunaan senjata nuklear<br>M15 Sentiasa mewujudkan forum keamanan sejagat<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan mesej yang boleh disampaikan kepada pemimpin dunia pada hari ini untuk mengelakkan peperangan pada masa hadapan. Calon juga boleh memberikan pendapat sendiri berdasarkan gambar.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |
| **7**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 72-73* | F1 Penubuhan agensi oleh Kerajaan Persekutuan<br>F2 Untuk memberi bantuan kewangan dan kepakaran kepada Kerajaan Negeri<br>F3 Kerajaan Negeri menyediakan tanah<br>F4 Untuk tujuan pembangunan<br>F5 Pembangunan tanah tertumpu pada pembukaan tanah baharu<br>F6 Pembangunan In-Situ<br>F7 Penubuhan FELDA<br>F8 Mengurus dan menyalurkan bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri.<br>F9 Penubuhan FELCRA<br>F10 Menyatukan, memulihkan dan membangunkan tanah Kerajaan Negeri yang terbiar<br>F11 Pembangunan wilayah berdasarkan pembangunan kawasan<br>F12 Agensi wilayah baharu | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F13 KEDA, PERDA, KEJORA, DARA, KETENGAH, KESEDAR. | 1 | |
| | F14 LKTS dan SAKCRA di Sarawak | 1 | |
| | F15 SLDB di Sabah | 1 | |
| | F16 Pembangunan Koridor Wilayah | 1 | |
| | F17 Perancangan strategik jangka panjang | 1 | |
| | F18 Memberi tumpungan kepada pembangunan di negeri & wilayah | 1 | |
| | F19 Mewujudkan keseimbangan Pembangunan negeri dan wilayah | 1 | |
| | F20 SJER, NCER, ECER, SCOR dan SDC | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan pelaksanaan kerjasama kedua-dua kerajaan dalam melaksanakan pembangunan sosioekonomi selepas merdeka konsep sistem Persekutuan di negara kita.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] | 6 |
| **7**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 76-77* | F1 Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bekerjasama | 1 | |
| | F2 Menyediakan perumahan kos rendah | 1 | |
| | F3 Terutama di kawasan bandar | 1 | |
| | F4 Menubuhkan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan | 1 | |
| | F5 Menggiatkan usaha menyediakan perumahan kos rendah | 1 | |
| | F6 Kerajaan Negeri menyediakan tanah yang dijual dengan harga rendah untuk membina rumah | 1 | |
| | F7 Perumahan untuk mengatasi masalah kemiskinan | 1 | |
| | F8 Melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) | 1 | |
| | F9 Untuk membina perumahan awam di seluruh negara | 1 | |
| | F10 Menubuhkan agensi pembangunan negeri seperti PKNS | 1 | |
| | F11 Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) | 1 | |
| | F12 Melalui Kerajaan Persekutuan | 1 | |
| | F13 Perumahan mampu milik | 1 | |
| | F14 Oleh Majlis Perumahan Negara | 1 | |
| | F15 Penubuhan pelbagai agensi | 1 | |
| | F16 Memperkenalkan program khusus | 1 | |
| | F17 Membolehkan golongan pertengahan memiliki rendah | 1 | |
| | F18 Program peringkat Persekutuan | 1 | |
| | F19 Perbadanan perumahan 1 Malaysia | 1 | |
| | F20 Program peringkat negeri | 1 | |
| | F21 Rumah Selangorku | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kerjasama kerajaan dalam pembangunan dan penyediaan perumahan rakyat.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br>[*Maksimum*: 6 *markah*] | 6 |
| **7**(*c*)<br>*KBAT* | Mesej daripada petikan | | |
| | M1 Senarai Persekutuan mempunyai skop yang lebih luas berbanding Senarai Negeri. | 1 | |
| | M2 Skopnya mencakupi pelaksanaan ke seluruh negara, berbanding Senarai Negeri yang hanya tertakluk di peringkat negeri sahaja. | 1 | |
| | M3 Hubungan luar, undang-undang dan tatacara sivil dan jenayah, kuasa mahkamah dan rahsia rasmi merupakan antara perkara yang tersenarai di bawah Senarai Persekutuan. | 1 | |
| | M4 Termasuk juga perkara berkaitan kewangan, perdagangan, perkapalan, perhubungan dan pengangkutan. | 1 | |
| | M5 Senarai negeri termasuk undang-undang Islam, mewujudkan Mahkamah Syariah, tanah, pertanian | 1 | |
| | M6 Termasuk juga kerajaan tempatan, perlesenan, kerja raya negeri, air dan cuti negeri. | 1 | |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | Kelebihan pembahagian kuasa<br>M7 Mengelak pemusatan kuasa<br>M8 Melicinkan perjalanan pentadbiran Kerajaan Persekutuan<br>M9 Berlaku pengkhususan dalam skop tugas dan pentadbiran<br>M10 Hasil kerja yang lebih baik<br>M11 Mencegah penyalahgunaan kuasa<br>M12 Mengelak pertindihan kuasa<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan menghuraikan kepentingan mengekalkan keharmonian kaum di negara. Calon perlu ambil maklumat dari petikan dan juga boleh memberikan pendapat sendiri berdasarkan petikan.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br><br><br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |
| **8**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 93* | F1 Ancaman keselamatan<br>F2 Ancaman komunis di Singapura dan Sarawak<br>F3 Menggugat kestabilan politik serantau<br>F4 Langkah penyatuan untuk mengukuhkan pertahanan<br>F5 Sarawak berdepan dengan ancaman komunis melalui gerakan Clandestine Communist<br>F6 Penyertaan Sarawak dapat membendung ancaman komunis<br>F7 Mempercepatkan kemerdekaan<br>F8 Merealisasikan dekolonisasi<br>F9 Mempercepatkan kemerdekaan wilayah Borneo<br>F10 Keseimbangan posisi penduduk<br>F11 Kesan kemasukan Singapura dalam Persekutuan<br>F12 Ketidakseimbangan antara orang Melayu dan orang Cina<br>F13 penggabungan Sabah, Sarawak dan Brunei akan menyeimbangi komposis kaum<br>F14 Pembangunan wilayah<br>F15 Meningkatkan taraf hidup pribumi<br>F16 Melalui pembangunan infrastruktur, sosial dan ekonomi yang seimbang<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab penggabungan tersebut dianggap rasional.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **8**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 98-102* | F1 Siri lawatan<br>F2 Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Sarawak/Brunei<br>F3 Meninjau/bertemu dengan pemimpin tempatan<br>F4 Menerangkan rancangan pembentukan Malaysia<br>F5 Mengatur lawatan pemimpin Sarawak dan Sabah ke PTM<br>F6 Meninjau kemajuan di PTM<br>F7 Novemberr 1962, Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Sarawak / Sabah<br>F8 Lawatan rombongan Dr. Burhanuddin al Helmi/Ghafar Baba ke Sarawak / Sabah<br>F9 Menjelaskan gambaran sebenar rancangan Malaysia kepada penduduk Sarawak / Sabah<br>F10 Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)<br>F11 Ditubuhkan semasa Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura<br>F12 Bermesyuarat sebanyak empat kali/Jesselton/ Kuching / Kuala Lumpur/ Singapura<br>F13 Meyakinkan penduduk Sarawak / Sabah | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br><br>1 | |

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F14 Menyediakan ruang perbincangan bagi mendapatkan kata sepakat | 1 | |
| | F15 Mengumpulkan pandangan | 1 | |
| | F16 Menyebarkan maklumat berkaitan Malaysia | 1 | |
| | F17 Memupuk aktiviti penghebahan/mempercepat pembentukan Malaysia | 1 | |
| | F18 Mendedahkan perkembangan kemajuan dalam pentadbiran / projek pembangunan di Persekutuan Tanah Melayu | 1 | |
| | F19 Membuat keputusan menyokong penubuhan Malaysia | 1 | |
| | F20 Memberi kefahaman kepada pemimpin tempatan / mendapatkan sokongan terhadap pembentukan Malaysia | 1 | |
| | F21 Referendum/Pungutan Suara Singapura | 1 | |
| | F22 Rundingan kerajaan PTM dengan Singapura menghasilkan persetujuan penyertaan Singapura ke dalam Malaysia | 1 | |
| | F23 Referendum diadakan pada awal September 1962 | 1 | |
| | F24 Keputusan referendum menunjukkan rakyat Singapura bersetuju bergabung membentuk Malaysia | 1 | |
| | F25 Mengikut syarat ditetapkan Singapura / PTM | 1 | |
| | F26 Membolehkan Singapura menyertai Malaysia | 1 | |
| | F27 Rundingan London | 1 | |
| | F28 Rundingan antara kerajaan PTM dengan kerajaan British | 1 | |
| | F29 Bersetuju menubuhkan sebuah suruhanjaya bagi meninjau reaksi penduduk di Sarawak / Sabah | 1 | |
| | F30 Suruhanjaya Cobbold | 1 | |
| | F31 Mengandungi wakil kerajaan British / PTM | 1 | |
| | F32 Lord Cobbold dilantik menjadi Pengerusi | 1 | |
| | F33 Ahli-ahli lain – Sir Anthony Abell / Sir David Wathenson / Muhammad Ghazali Shafie / Wong Pow Nee | 1 | |
| | F34 Melawat 35 pusat lawatan di Sarawak / Sabah | 1 | |
| | F35 Jun 1962, menyerahkan laporan kepada kerajaan British dan PTM | 1 | |
| | F36 2/3 penduduk menyokong pembentukan Malaysia | 1 | |
| | F37 Mengesyorkan Perlembagaan 1957 dijadikan asas Perlembagaan PTM yang baharu | 1 | |
| | F38 Mencadangkan kuasa autonomi / jaminan khas diberi kepada Sarawak / Sabah | 1 | |
| | F39 Tidak boleh dipinda / dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa mendapat kebenaran kerajaan negeri berkenaan | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan langkah-langkah pembentukan Malaysia.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |
| **8**(*c*)<br>KBAT | M1 Kemampanan | 1 | |
| | M2 Menggalakkan pembangunan yang mesra alam dan lestari untuk warisan generasi kini dan akan datang. | 1 | |
| | M3 Memastikan sumber semula jadi digunakan dengan bijak tanpa membebankan alam sekitar. | 1 | |
| | M4 Kesejahteraan | 1 | |
| | M5 Menekankan keseimbangan dalam aspek sosial, ekonomi, dan kesihatan rakyat. | 1 | |
| | M6 Membantu golongan kurang berkemampuan | 1 | |
| | M7 Melalui dasar kebajikan yang inklusif. | 1 | |
| | M8 Daya Cipta | 1 | |
| | M9 Menggalakkan kreativiti dan inovasi dalam kalangan rakyat | 1 | |
| | M10 Untuk memacu kemajuan negara. | 1 | |


© Hak cipta System PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | M11 Membuka ruang kepada idea baharu bagi menangani cabaran global dan tempatan.<br>M12 Hormat<br>M13 Memupuk sikap saling menghormati antara individu dan komuniti tanpa mengira<br>M14 Latar belakang agama, kaum, atau budaya.<br>M15 Membentuk masyarakat yang toleran dan bersatu.<br>M16 Keyakinan<br>M17 Meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap institusi kerajaan melalui integriti dan pentadbiran yang cekap.<br>M18 Membina keyakinan diri rakyat dalam menyumbang kepada pembangunan negara.<br>M19 Ihsan<br>M20 Mendorong masyarakat untuk bersikap prihatin dan belas kasihan terhadap orang lain.<br>M21 Menjadikan nilai kemanusiaan sebagai asas dalam kehidupan bermasyarakat.<br>M22 Membentuk masyarakat yang bersatu padu, progresif, dan berdaya saing<br>M23 Menjadikan Malaysia sebuah negara yang harmoni dan makmur.<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan mengenai konsep Malaysia MADANI yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |
| **9**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 196* | F1 Mempertahankan kemerdekaan /kedaulatan negara<br>F2 Melindungi kepentingan nasional<br>F3 Mempertahankan dan memajukan kepentingan Malaysia<br>F4 Memupuk hubungan baik dengan negara luar<br>F5 Menghadapi perkembangan serta cabaran politik,ekonomi dan sosial<br>F6 Mewujudkan kerjasama yang erat dalam bidang ekonomi,politik, pertahanan serta kebudayaan pada peringkat antarabangsa<br>F7 Menjalinkan hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi<br>F8 Menghadapi perkembangan politik,ekonomi dan sosial antarabangsa yang sentiasa berubah<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan matlamat penggubalan dasar luar negara kita.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **9**(*b*)(i)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 214-217* | **OIC**<br>F1 Mencadangkan kewujudan sebuah pertubuhan Islam untuk menjaga kepentingan orang Islam sedunia<br>F2 Menjadi tuan rumah Persidangan Pertama Kongres Islam sedunia<br>F3 Rantau Asia Tenggara (1964) di Kuala Lumpur<br>F4 Menjadi tuan rumah Persidangan Islam Antarabangsa yang membawa kepada penubuhan OIC<br>F5 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menjadi Setiausaha Agung Pertama OIC<br>F6 Tun Abdullah Ahmad Badawi dilantik sebagai Pengerusi OIC pada tahun 2003 | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F7 Menolak tohmahan masyarakat Islam dikaitkan dengan keganasan, kemiskinan dan kemunduran | 1 | |
| | F8 Mengetengahkan nilai kesederhanaan /menolak keganasan | 1 | |
| | F9 Memberi penekanan kepada pembangunan pendidikan/sosial | 1 | |
| | F10 Membantu memberi pembiayaan pelajaran dan kebajikan | 1 | |
| | F11 Membantu penubuhan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) | 1 | |
| | F12 Memberi biasiswa kepada pelajar dari negara OIC ketika belajar di UIAM | 1 | |
| | F13 Menangani isu politik negara Islam | 1 | |
| | F14 Menjadi perantara menyelesaikan konflik Iran-Iraq | 1 | |
| | F15 Menghantar 15 orang pegawai tentera Malaysia menyertai pasukan tentera pemerhati PBB | 1 | |
| | F16 Menyokong perjuangan rakyat Palestin/PLO | 1 | |
| | F17 Menjadi tuan rumah Persidangan Keserantauan Asia berkaitan dengan Palestin | 1 | |
| | F18 Menyokong hak rakyat Palestin menentukan nasib diri sendiri/hak untuk mempunyai sebuah negara merdeka | 1 | |
| | F19 Menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Rejim Kabul | 1 | |
| | F20 Membenarkan Mujahidin Afghanistan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur | 1 | |
| | F21 Membangunkan ekonomi negara anggota | 1 | |
| | F22 Menyertai Bank Pembangunan Islam | 1 | |
| | F23 Mendapat pinjaman/pembiayaan projek pembangunan | 1 | |
| | F24 Menubuhkan Bank Islam Malaysia Berhad | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan penglibatan Malaysia dalam pertubuhan OIC dalam usaha mengekalkan keamanan dan kemajuan sejagat. [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **9**(*b*)(ii) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 210-211* | **ASEAN** | | |
| | F1 Mengistiharkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali/ZOPFAN | 1 | |
| | F2 Menjadikan ASEAN platform terpenting untuk mengistiharkan perubahan dasar luar negara pada peringkat serantau/global | 1 | |
| **9**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 216* | F1 Perantara bagi menyelesaikan konflik Iran-Iraq<br>F2 15 orang pegawai tentera Malaysia menyertai pasukan tentera pemerhati PBB<br>F3 Menyokong perjuangan rakyat Palestin dan Palestine Liberation Ogranization (PLO)<br>F4 Menjadi tuan rumah Persidangan Keserantauan Asia berkaitan Palestin di Kuala Lumpur pada bulan Mei 1983<br>F5 Menyokong hak rakyat Palestin bagi menentukan nasib sendiri/ mempunyai negara yang merdeka<br>F6 Menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Rejim Kabul<br>F7 Membenarkan Mujahidin Afghanistan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur pada tahun 1984<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan Malaysia dalam menangani isu politik di negara Islam.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>[*Maksimum*: 6 *markah*] | 6 |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| **9**(*c*) KBAT | M1 Menyalurkan pelbagai bantuan<br>M2 Bagi meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat di negara terbabit<br>M3 Contohnya, bantuan kewangan, makanan dan pakaian<br>M4 Kesannya, kebajikan rakyat akan terbela<br>M5 Mengadakan kempen kesedaran kepada masyarakat dunia<br>M6 Supaya mengambil tahu tentang kesengsaraan yang dialami<br>M7 Kempen "Free Palestine"<br>M8 Kesannya, melahirkan masyarakat yang prihatin<br>M9 Membangkitkan isu-isu tentang keganasan /peperangan/ ketidakadilan dalam forum-forum antarabangsa<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki untuk menerangkan bentuk sokongan daripada negara-negara Islam dalam menangani isu politik yang berlaku seperti masalah pelarian Syria dan peperangan antara Israel dan Palestin.<br>[*Mana-mana jawapan yang berkaitan*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |

# KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA SET 3

## Kertas 1

**1 B** Inskripsi Telaga Batu digunakan dalam upacara persetiaan antara pemerintah dengan golongan diperintah dalam kerajaan Srivijaya. Oleh itu, rakyat kerajaan Srivijaya membuktikan kesetiaan mereka kepada Raja Srivijaya dcngan upacara persetiaan dan meminum air sumpah.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 4*

**2 A** Pahang, Kuala Linggi, Kelantan, Rokan, Inderagiri dan Kampar merupakan wilayah yang diperoleh dari taklukan iaitu wilayah yang diperoleh melalui peperangan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 7*

**3 C** Revolusi Keagungan di England berlaku disebabkan oleh keinginan menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat. Ahli parlimen bangkit menentang pemerintahan raja berkuasa mutlak dan menggantikannya dengan Raja Berpelembagaan. Manakala Revolusi Perancis tercetus daripada idea nasionalisme yang memperjuangkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan. Menurut Rousseat kedaulatan suara rakyat lebih tinggi dan penting daripada institusi raja dan birokrasi. Revolusi Perancis membawa kemunculan Republik Perancis yang mengakhiri sistem pemerintahan beraja di Perancis.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 24-25*

**4 B** Gerakan Propaganda melalui Liga Filipina yang dipimpin oleh Jose Rizal. Gerakan ini menuntut Filipina dijadikan sebahagian daripada wilayah Sepanyol yang mempunyai hak yang sama seperti bangsa Sepanyol.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 28*

**5 C** Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson,iaitu cadangan Presiden Amerika Syarikat sebagai asas perdamaian yang dicadangkan dalam Persidangan Damai Paris pada 18 Januari 1919 untuk membincangkan syarat perdamaian selepas perang. Syarat ini bertujuan memastikan Jerman tidak lagi menjadi ancaman kepada keamanan di Eropah. Deklarasi ini merangkumi dua prinsip utama, iaitu penentuan nasib negara oleh rakyat sendiri dan sempadan negara berasaskan bangsa.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 56*


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**6** **A** Peperangan menyebabkan kematian, kesengsaraan, kelaparan, ketakutan, kezaliman dan kemiskinan. Kita sewajarnya mengambil iktibar daripada peristiwa Perang Dunia Kedua untuk menghargai nikmat keamanan dan belajar untuk hidup bersama-sama dalam keadaan aman dan harmoni.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 67*

**7** **A** British Military Administration (BMA) di Tanah Melayu bermula pada l2 September 1945 setelah tentera Jepun menyerah kalah. BMA merupakan pentadbiran tentera yang diletakkan di bawah arahan Lord Mountbatten, Pemerintah Tertinggi Tentera Bersekutu di Asia Tenggara (1943-1946). Tugas BMA adalah untuk mengembalikan kestabilan dan memulihkan kepercayaan rakyat di Tanah Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 94*

**8** **D** Tokoh tersebut merupakan sebahagian tokoh wanita yang menjadi benteng barisan hadapan menentang Malayan Union. Antara tokoh yang terlibat seperti Cikgu Zaharah Abdullah (Batu Pahat), Halimahton Abd Majid (Rembau), Saleha Mohd Ali, Zaharah Tamin (Selangor), Datin Puteh Mariah Ibrahim Rashid (Perak) dan Hasnah Ishak (Pulau Pinang).

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 103*

**9** **C** Pada bulan Julai 1947, PUTERA-AMCJA telah mengemukakan draf Perlembagaan Rakyat. Antara kandungan Perlembagaan Rakyat termasuklah:1.Tanah Melayu disatukan dengan Singapura; 2.Penubuhan sebuah Dewan Perundangan Pusat dan majlis-majlis negeri yang dipilih bagi seluruh Tanah Melayu; 3.Kewarganegaraan yang sama bagi semua orang yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal tetap dan sanggup mencurahkan kesetiaan tanpa berbelah bahagi; 4.Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan yang bertanggungjawab kepada rakyat dan menerima nasihat melalui Majlis Mesyuarat; 5.Hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu diketuai sepenuhnya oleh orang Melayu melalui Majlis Khas; 6.Perhatian khas hendaklah diberikan kepada kemajuan politik dan ekonomi orang Melayu; 7.Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal bagi Tanah Melayu; 8.Hal ehwal luar negeri dan pertahanan hendaklah menjadi tanggungjawab bersama kerajaan Tanah Melayu dan kerajaan British; 9.Kewarganegaraan Malaya haruslah dinamakan Melayu; 10.Warna merah dan putih haruslah dimasukkan sebagai latar belakang bendera kebangsaan Tanah Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 130*

**10** **D** Ahli Parlimen British, iaitu Gammans dan Rees Williams telah menyaksikan bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union. Mereka melaporkan hasil tinjauan tersebut kepada Dewan Parlimen British selepas kembali ke England. Gammans menyatakan bahawa sekiranya British melaksanakan rancangan Malayan Union, keadaan huru-hara akan berlaku di Tanah Melayu. Hal ini merupakan salah satu faktor penubuhan PTM 1948.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 132*

**11** **B** Persekutuan Tanah Melayu 1948 membuka jalan ke arah perpaduan dan kerjasama antara kaum melalui penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC). Kebanyakan cadangan CLC dimasukkan ke dalam usul perundangan yang diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan. Jawatankuasa ini berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 137*

**12** **D** Pasukan Senoi Praaq ditubuhkan pada tahun 1956. Senoi Praaq dalam bahasa Semai dikenali sebagai Urang Perang. Mereka ditugaskan mengesan tempat persembunyian komunis di dalam hutan. Anggotanya terdiri daripada Orang Asli suku Senoi,Semai dan Temuan. Mereka lebih dikenali sebagai "The Silent Killers". Sarawak Rangers pula terdiri daripada orang Iban. Tugas mereka juga menjejak persembunyian komunis di dalam hutan kerana mereka mahir dalam selok-belok hutan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 154-155*

**13 B** Darurat memberikan kesan jangka panjang terhadap negara kita dari aspek politik dan sosioekonomi. Peristiwa darurat ini juga mempercepat usaha ke arah rundingan kemerdekaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 161*

**14 A** Ibrahim Haji Yaakob memimpin Kesatuan Melayu Muda (KMM) telah memperjuangkan kemerdekaan tanah air melalui konsep Melayu Raya. Idea ini merupakan penyatuan bangsa dan dunia Melayu berdasarkan aspek persamaan daerah, darah, kebudayaan dan bahasa yang menjadi satu rumpun yang sama, iaitu Melayu. Ahmad Boestamam pula merupakan salah seorang pemimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). PKMM memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya. Melalui slogan "Merdeka", PKMM berhasrat mendaulatkan hak rakyat dalam politik, ekonomi, agama, sosial dan kebudayaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 172*

**15 B** Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) pada tahun 1950 merupakan tuntutan daripada Dato'Onn Jaafar. Beliau berpendapat bahawa bantuan ekonomi dan kemajuan luar bandar perlu sebagai tolak ansur terhadap persetujuan orang Melayu melonggarkan syarat kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 176-177*

**16 C** Syarat untuk menjadi calon dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 mestilah Warganegara Persekutuan Tanah Melayu; Berumur 21 tahun ke atas; Telah tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dan tinggal dalam tempoh 12 bulan sebelum hari penamaan calon; dan berpengetahuan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 200*

**17 C** Parti Perikatan memenangi Pilihan Raya Umum 1955 kerana Parti Perikatan merupakan gabungan parti pelbagai kaum iaitu, UMNO, MIC dan MCA. Gabungan ini menunjukkan kerjasama dan tolak ansur antara pemimpin setiap kaum yang dimulakan melalui politik sehinggalah mewujudkan perpaduan kaum dalam kalangan rakyat.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 202*

**18 D** Gerak Kerja Suruhanjaya Reid ialah: Meminta cadangan penduduk bertulis atau lisan; Menerima memorendum bertulis dari pelbagai pihak untuk diteliti; Meneliti kedudukan perlembagaan bagi negeri dalam Persekutuan; menghadap Raja-raja Melayu, Menteri Besar, Penasihat British dan pegawai negeri; Mengadakan persidangan untuk membincangkan pelbagai isu; sebanyak 118 kali perjumpaan telah dilakukan; dan mengkaji dan membuat laporan serta cadangan membentuk perlembagaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 221*

**19 B** Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengeluarkan draf perlembagaan yang mengandungi perkara yang berikut: Meneruskan sistem kerajaan Persekutuan dengan negeri mempunyai kuasa tertentu; Sistem kewarganegaraan berasaskan jus soli kepada semua yang lahir di Tanah Melayu; Kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan; Raja-raja diterima dengan konsep Raja Berperlembagaan dengan seorang Yang di-Pertuan Agong dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu; dan sebuah parlimen dengan dua Majlis Mesyuarat, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat dibentuk.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 222*


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**20** **A** Antara peranan Jawatankuasa Persediaan Fizikal ialah menonjolkan identiti negara. Prasarana fizikal yang disediakan antaranya termasuklah pembinaan sebuah stadium untuk meraikan kemerdekaan dan istana untuk Yang di-Pertuan Agong. Selain itu Tunku Abdul Rahman mencadangkan sebuah lagu rasmi kebangsaan dicipta bagi diperdengarkan semasa upacara Perisytiharan Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Di samping itu, penggunaan bendera Persekutuan Tanah Melayu yang telah sedia ada akan dijadikan bendera kebangsaan. Seterusnya penggunaan Jata Negara dan Bunga raya dipilih oleh Tunku Abdul Rahman sebagai bunga kebangsaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 236*

**21** **B** Ciri negara berdaulat menjadikan Malaysia sebuah negara yang mempunyai identiti yang unik. Kita perlu memahami betapa pentingnya menjiwai dan mempertahankan identiti negara agar negara luar menghormati kedaulatan Malaysia.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 9*

**22** **A** Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia ketiga bertemu dengan Anwar Sadat, Presiden Mesir di Mesir pada tahun 1977 untuk mengukuhkan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Mesir.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 11*

**23** **C** Pada zaman pentadbiran British, NNS, iaitu Melaka, Pulau Pinang dan Singapura memperkenalkan undang-undang yang diambil dari England, iaitu Charter of Justice. Matlamatnya adalah untuk melindungi penduduk asal daripada penindasan dan ketidakadilan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 24*

**24** **C** Ciri tradisional yang terkandung dalam perlembagaan persekutuan ialah Pemerintahan Beraja; Agama Islam; Bahasa Melayu; dan Kedudukan Orang Melayu dan Bumiputera.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 28*

**25** **C** Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang dan Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan diguna oleh Raja-raja Melayu bagi negeri masing-masing dan diguna pakai sehingga hari ini mengangkat Raja-raja Melayu sebagai Raja Berpelembagaan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 40*

**26** **A** Yang di-Pertuan Agong berperanan melantik Melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri. Baginda juga membuat Pelantikan Jawatan Penting seperti Peguam Negara, Panglima AngkatanTentera dan Ketua Audit Negara. Yang di-Pertuan Agong juga merupakan pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia. Yang di-Pertuan Agong melantik diplomat Malaysia ke luar negara. Baginda juga menerima menghadap diplomat asing sebelum mereka mula menjalankan tugas di Malaysia. Yang di-Pertuan Agong memperkenankan sesuatu Rang Undang-Undang yang melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang, memberhentikan dan membubarkan Parlimen. Yang di- Pertuan Agong merupakan Ketua Agama Islam di negeri baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah. Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab menjaga serta melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah. Yang di-Pertuan Agong berkuasa melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri setelah dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan berunding dengan Majlis Raja-Raja. Baginda juga berkuasa mengampunkan, menangguhkan dan meringankan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera, Mahkamah Syariah di Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 48*

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**27 D** Antara yang terkandung dalam Senarai Persekutuan termasuklah: Hal ehwal luar negeri; Pertahanan; Keselamatan dalam negeri; Pentadbiran keadilan; Kewarganegaraan; Kewangan; Perhubungan dan pengangkutan; Pelajaran; dan Perubatan dan kesihatan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 69*

**28 C** Rajang Area Security Command (RASCOM) atau Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang diisytiharkan oleh Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia kedua yang juga merupakan Pengerusi Majlis Keselamatan Negara disebabkan ancaman komunis yang semakin meningkat di Sarawak. RASCOM diisytiharkan di Bahagian Ketiga Sarawak pada 26 Mac 1972.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 78*

**29 C** Kesan pembentukan persekutuan tersebut dapat dilihat melalui rasional pembentukan Malaysia. Pembentukan Malaysia bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah ancaman komunis di Singapura dan Sarawak tetapi juga mempercepatkan kemerdekaan wilayah tersebut termasuklah Sabah. Pembentukan ini juga dapat mengimbangi komposisi kaum antara orang Melayu, Bumiputera dan Cina. Selain itu, pembentukan ini dapat mempercepatkan pembangunan wilayah melalui perkongsian ekonomi.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 93*

**30 D** Antara tindakan Indonesia semasa Konfrontasi ialah menjalankan dasar (Ganyang Malaysia). Selain itu melancarkan serangan Gerila di Sarawak dan Johor. Indonesia juga melakukan Pendaratan di Tebedu Sarawak. Selain itu, peristiwa berbalas tembakan antara tentera di Kalabakan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 106-107*

**31 A** Kerajaan telah melaksanakan dua kaedah iaitu gerakan Perang Saraf dan operasi ketenteraan bagi mengatasi ancaman komunis di Sarawak. Antara langkah yang diambil dalam Perang Saraf ialah: Mengadakan perhimpunan awam dengan memberikan kesedaran tentang bahayanya ancaman komunis; Menyebarkan risalah untuk menyampaikan maklumat tentang bahaya ancaman komunis dan menanamkan kebencian terhadap komunis; Mengisytiharkan kawasan putih yang bebas daripada ancaman komunis; Tawaran program pengampunan kepada anggota komunis; dan pembangunan infrastruktur dengan menyediakan kemudahan perhubungan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 121*

**32 C** Isu ekonomi dalam pembangunan Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) diatasi dengan menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal dan meluaskan peluang pekerjaan kepada penduduk.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 128*

**33 C** Beberapa langkah dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan. Antaranya termasuklah pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan, memperkasakan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan, penubuhan UKM sebagai pusat keilmuan dan peranan DBP sebagai pusat perkembangan bahasa kebangsaan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 148-149*

**34 B** Dasar Kebudayaan Kebangsaan dibentuk bagi mewujudkan perpaduan negara dan integrasi nasional melalui aspek kesenian dan kebudayaan. Dasar ini menjadi garis panduan masyarakat bagi membentuk dan mengekalkan identiti sebagai warganegara Malaysia.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 150*

**35 A** Matlamat Rukun Negara untuk melahirkan rakyat yang bersatu padu melalui negara yang bersatu, masyarakat yang demokratik, masyarakat yang liberal, masyarakat yang progresif, dan masyarakat yang adil.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 158*


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**36 C** Rancangan Buku Hijau peringkat kebangsaan telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974. Matlamat rancangan ini untuk menambahkan pendapatan rakyat dan pengeluaran bahan makanan supaya cukup untuk keperluan negara. Rancangan ini memberikan tumpuan kepada penggunaan tanah yang sepenuhnya. Selain itu, mengusahakan tanah dengan tanaman jangka pendek, perkebunan berkelompok, penternakan, pemasaran yang baik dan projek kecil yang lain.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 169*

**37 B** Kerajaan meneruskan usaha untuk menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan pelbagai kaum khasnya golongan bumiputera dengan menyediakan latihan di agensi kerajaan seperti Pusat Latihan Kemahiran Giatmara dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) kepada generasi muda bagi membolehkan mereka mendapatkan kerja yang berkaitan dengan kemahiran dan berpendapatan tinggi.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 176*

**38 A** Cabaran politik antarabangsa mempengaruhi dasar luar Malaysia. Malaysia mengamalkan dasar berkecuali apabila menjalinkan hubungan dengan negara luar tanpa mengira ideologi. Keadaan ini membolehkan Malaysia menjalinkan hubungan dengan negara China melalui lawatan oleh Tun Abdul Razak Hussein ke negara tersebut pada tahun 1974.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 208*

**39 C** Malaysia menggunakan pendekatan sendiri dalam usaha memulihkan keadaan termasuklah menambat kadar pertukaran ringgit (RM) kepada dolar (USD)dengan kadar RM3.80 bagi USD1. Langkah ini berjaya memulihkan ekonomi negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 232*

**40 D** Isu Palestin sememangnya dekat dengan dasar luar dan domestik Malaysia. Perjuangan menegakkan isu Palestin disuarakan oleh semua Perdana Menteri Malaysia, sejak zaman Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Sejak tahun 1948, rejim Zionis Israel melakukan kekejaman, pengusiran dan pembunuhan terhadap penduduk Palestin. Tindakan ini menjadi asas penting kepada perjuangan Malaysia bagi memastikan hak dan keadilan rakyat Palestin mendapat pembelaan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 234*

## Kertas 2

### Bahagian A

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| **1**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 24* | (i)<br>F1 Keinginan menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat<br>F2 Raja James II membelakangkan parlimen<br>F3 Semasa menggubal undang-undang<br>F4 Ahli parlimen bangkit menentang pemerintahan raja berkuasa mutlak<br>F5 Dengan sokongan Mary II dan suaminya Raja William.<br>F6 Menyedari sokongan makin berkurangan Raja James II melarikan diri ke Perancis.<br>F7 Dikenali sebagai Keagungan kerana peralihan kuasa berlaku secara aman tanpa pertumpahan darah<br>F8 Semasa pemerintahan Mary II dan William of Orange, konsep kedaulatan parlimen dan sistem raja berperlembagaan dimantapkan. | <br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br><br>1 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F9 Bill of Rights digubal untuk memberikan keutamaan kepada parlimen menggubal undang-undang dan hak mengutip cukai<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan tentang Revolusi Keagungan di England (1688).<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br><br>[*Maksimum*: 3 *markah*] | 3 |
| **1**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 25* | (ii)<br>F1 Tercetus daripada idea nasionalisme yang memperjuangkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan oleh golongan pemikir Perancis.<br>F2 Jacques telah menulis The Social Contract yang mengemukakan keunggulan suara rakyat bagi menjamin kesejahteraan masyarakat.<br>F3 Suara rakyat digelar sebagai "Hasrat umum" yang merupakan kata sepakat golongan yang mempunyai kesedaran.<br>F4 Kedaulatan rakyat lebih penting daripada institusi beraja dan birokrasi.<br>F5 Golongan revolusi menentang pemerintahan autokratik Raja Louis XVI dan golongan bangsawan yang memonopoli keistimewaan.<br>F6 Rakyat terbeban dengan pelbagai cukai.<br>F7 Golongan revolusi menggempur penjara Bastile dan membebaskan tahanan politik.<br>F8 Raja Louis XVI digulingkan.<br>F9 Kesannya muncul Republik Perancis<br>F10 Berakhirnya pemerintahan beraja di Perancis.<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan tentang Revolusi Perancis (1789)<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 3 *markah*] | 3 |
| **1**(*b*)<br>*KBAT* | M1 Kibarkan Jalur Gemilang<br>M2 Kukuhkan jati diri<br>M3 Semarakkan semangat patriotisme<br>M4 Setia kepada raja dan negara<br>M5 Menghargai jasa perajurit negara<br>M6 Politik negara stabil<br>M7 Ekonomi negara meningkat<br>M8 Mengeratkan perpaduan kaum<br>M9 Imej negara meningkat<br>M10 Mengukuhkan kedaulatan negara<br>M11 Memelihara kesejahteraan rakyat<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan maklumat yang terkandung di dalam poster. Calon perlu menggunakan maklumat yang ada dan ditambah dengan pendapat calon sendiri.<br>[*Mana-mana jawapan yang berkaitan*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **2**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 196* | F1 Asas berkerajaan sendiri<br>F2 Rakyat memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan<br>F3 Pengamalan sistem demokrasi di sesebuah negara<br>F4 Merintis jalan ke arah kemerdekaan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan sebab Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan diadakan.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] | 2 |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| **2**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 200-201* | F1 Penubuhan Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan<br>F2 52 kawasan pilihanraya ditetapkan<br>F3 Rang undang-undang diluluskan bagi membolehkan pilihanraya diadakan<br>F4 Pendaftaran pengundi mulai 18 Oktober di seluruh Tanah Melayu / 29 Oktober di Terengganu<br>F5 Penamaan calon pada 15 Jun 1955<br>F6 Kempen pilihanraya selama 45 hari<br>F7 Pembuangan undi/mengundi<br>F8 Pengiraan undi<br>F9 Pengumuman keputusan undi<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 dilaksanakan.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **2**(*c*)<br>*KBAT* | M1 Sikap tolak ansur dalam masyarakat berbilang kaum<br>M2 Permuafakatan melalui sikap toleransi<br>M3 Penerimaan masyarakat terhadapan kerjasama kaum<br>M4 Kerjasama kaum dalam mewujudkan keharmonian<br>M5 Perkongsian kuasa dalam pemerintahan negara<br>M6 Pengorbanan bagi memastikan setiap kaum diwakili dalam pemerintahan negara<br>M7 Mewujudkan kestabilan politik<br>M8 Kesejahteraan rakyat terjaga<br>M9 Mewujudkan negara yang aman<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan sebab kerjasama politik masih berkembang dalam amalan demokrasi di negara kita sehingga hari ini.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **3**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 10-11* | F1 Keberkesanan pentadbiran<br>F2 Kedaulatan memberikan kebebasan kepada negara untuk menjalankan urusan pentadbiran tanpa campur tangan pihak luar.<br>F3 Dasar pentadbiran negara dilaksanakan dengan berkesan melalui Jemaah Menteri dan kementerian yang berkaitan.<br>F4 Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang dilakukan melalui pengagihan kuasa mewujudkan keberkesanan pentadbiran.<br>F5 Sistem pentadbiran juga diperkukuh melalui peruntukan undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan.<br>F6 Kemakmuran Ekonomi<br>F7 Kedaulatan penting untuk negara melaksanakan dasar kemakmuran ekonomi.<br>F8 Selepas negara mencapai kemerdekaan, pelbagai usaha dilakukan untuk memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat berbilang kaum di Malaysia.<br>F9 Pembangunan ekonomi meliputi bidang pertanian, perindustrian dan perdagangan yang diperkenalkan melalui dasar pembangunan ekonomi negara.<br>F10 Kesejahteraan sosial<br>F11 Kedaulatan penting untuk negara melaksanakan dasar bagi kesejahteraan rakyat.<br>F12 Negara dapat melahirkan generasi yang berilmu dan berkemahiran melalui kerjasama. | 1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br><br>1 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F13 Mereka dapat memberikan sumbangan untuk pembangunan negara. | 1 | |
| | F14 Beberapa perkara berkaitan dengan kebudayaan, sukan dan Rukun Negara diperkenalkan | 1 | |
| | F15 Untuk memupuk perasaan muhibah dan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia. | 1 | |
| | F16 Kecemerlangan Hubungan Luar Negara | 1 | |
| | F17 Kedaulatan penting bagi memberikan hak kepada negara untuk menjalinkan hubungan dengan negara lain. | 1 | |
| | F18 Hubungan ini dibentuk melalui penggubalan dasar luar negara kita. | 1 | |
| | F19 Menjalinkan hubungan kerjasama dan persahabatan dengan negara lain | 1 | |
| | F20 Kesannya, Malaysia menikmati pelbagai faedah dan kelebihan dalam usaha mempertahankan kedaulatan. | 1 | |
| | F21 Keanggotaan Malaysia dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa pula meningkatkan imej negara. | 1 | |
| | F22 Masyarakat antarabangsa mengakui peranan dan kebolehan negara kita setaraf dengan negara lain di dunia. | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kepentingan mewujudkan negara yang berdaulat. [*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] | 3 |
| 3(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 12-13* | F1 Mewujudkan kestabilan politik<br>F2 Mewujudkan kemakmuran ekonomi<br>F3 Menjayakan dasar/program kerajaan<br>F4 Mengekalkan perpaduan kaum<br>F5 Menggunakan bahasa kebangsaan<br>F6 Menghayati prinsip Rukun Negara<br>F7 Memupuk patriotisme<br>F8 Menghormati lambang negara<br>F9 Menghargai tokoh pelbagai kaum<br>F10 Mengukuhkan pertahanan negara<br>F11 Menganggotai pasukan keselamatan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan tanggungjawab rakyat Malaysia untuk mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara Malaysia.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] | 3 |
| 3(*c*)<br>*KBAT* | M1 Menjunjung perlembagaan negara / mematuhi undang-undang negara / peraturan yang ditetapkan | 1 | |
| | M2 Mengelak diri daripada terpengaruh fahaman / melakukan kegiatan yang bercanggah dengan undang-undang /peraturan | 1 | |
| | M3 Fahaman komunis / kegiatan keganasan / mengadakan demonstrasi | 1 | |
| | M4 Keselamatan masyarakat terjamin / diperkukuhkan | 1 | |
| | M5 Memupuk kesetiaan kepada raja dan negara | 1 | |
| | M6 Menghormati kedudukan kedudukan YDPA sebagai ketua negara | 1 | |
| | M7 Tidak menghina institusi raja / menyokong kerajaan yang dipilih rakyat | 1 | |
| | M8 Mengukuhkan kestabilan politik / menjamin kedaulatan negara | 1 | |
| | M9 Menyokong dasar-dasar yang dilaksanakan kerajaan | 1 | |
| | M10 Membantu kerajaan meningkatkan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat | 1 | |
| | M11 Meneroka bidang-bidang baru | 1 | |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | M12 Tidak membawa masuk pendatang asing tanpa izin<br>M13 Dapat membantu memakmurkan negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cara generasi muda kini untuk mempertahankan keamanan negara. Calon boleh menggunakan maklumat di dalam petikan dan ditambah dengan pendapat sendiri daripada calon yang berkaitan dengan maklumat dalam petikan.<br>[*Mana-mana jawapan yang munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br><br><br><br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **4**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 206* | F1 Membina semangat setia kawan<br>F2 Mewujudkan kerjasama<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan sebab pertubuhan Komanwel ditubuhkan.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] | 2 |
| **4**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 206-207* | F1 Terlibat dalam Rancangan Colombo<br>F2 Rancangan pembangunan ekonomi dan sosial<br>F3 Menangani masalah kemiskinan<br>F4 Mendapat khidmat nasihat pelbagai bidang<br>F5 Seperti pendidikan, pertanian, teknikal dan kesihatan<br>F6 Program latihan kakitangan awam<br>F7 Kerjasama pertahanan<br>F8 Melalui perjanjian 12 Oktober 1957<br>F9 Britain dan negara Komanwel memberi bantuan<br>F10 Kerajaan menyediakan kemudahan strategik<br>F11 Kerjasama ekonomi<br>F12 Negara Komanwel merupakan rakan dagang utama<br>F13 Komoditi negara dieksport ke negara Komanwel<br>F14 Kadar cukai yang rendah<br>F15 Contohnya cukai eksport dan cukai digital<br>F16 Bantuan kredit dan dana<br>F17 Menerima pelaburan dari negara Komanwel<br>F18 Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM)<br>F19 Menjadi tuan rumah<br>F20 Sukan Komanwel<br>F21 Mengeratkan hubungan dalam kalangan negara anggota<br>F22 Mengharumkan nama negara<br>F23 Menjadi tuan rumah pada tahun 1998<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan manfaat yang Malaysia peroleh melalui pertubuhan tersebut.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **4**(*c*)<br>*KBAT* | **Wajar:**<br>M1 Keutamaan kepada pembangunan rakyat lebih penting daripada penganjuran acara.<br>M2 Elakkan risiko kewangan yang boleh menjejaskan ekonomi negara.<br>M3 Fokus kepada bidang yang memberikan impak jangka panjang<br>M4 Seperti pendidikan dan kesihatan.<br>M4 Fokus kepada meningkatkan kesejahteraan rakyat<br>M5 Kos penganjuran yang tinggi<br>M6 Boleh menyebabkan defisit kewangan atau menambah hutang negara<br>M7 Pengalaman negara lain seperti Afrika Selatan dan Kanada menunjukkan impak ekonomi negatif selepas menjadi tuan rumah. | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | M8 Manfaat jangka pendek berbanding kesan jangka panjang<br>M9 Acara sukan besar hanya memberikan impak ekonomi sementara<br>M10 Seperti peningkatan pelancongan dan peluang pekerjaan sementara<br>M11 Fasiliti yang dibina berisiko menjadi projek gajah putih selepas acara tamat<br>**Tidak Wajar:**<br>M1 Hilang peluang meningkatkan nama Malaysia di mata dunia.<br>M2 Kehilangan manfaat ekonomi jangka pendek<br>M3 Seperti peluang pekerjaan dan peningkatan pelancongan.<br>M4 Menunjukkan ketidakupayaan negara untuk bersaing di peringkat global.<br>M5 Hilang peluang untuk menarik pelabur asing<br>M6 Pembangunan kemudahan sukan moden akan memberikan manfaat jangka panjang kepada atlet tempatan.<br>M7 Meningkatkan minat terhadap aktiviti sukan dan gaya hidup sihat.<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki membuat keputusan sama ada wajar atau tidak tindakan kerajaan untuk menolak menjadi tuan rumah acara antarabangsa seperti Sukan Komanwel. Calon juga perlu memberikan alasan berdasarkan keputusan yang calon pilih.<br>[*Mana-mana jawapan yang berkaitan*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br><br>1<br><br><br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br><br><br><br><br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **5**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 94-95* | F1 Mengembalikan kestabilan dan keamanan<br>F2 Membubarkan pasukan MPAJA pada 1 Disember 1945<br>F3 Mengarahkan semua senjata yang diberikan kepada MPAJA dikembalikan<br>F4 BMA gagal mengumpul semula senjata<br>F5 BMA juga gagal membanteras kegiatan jenayah, keganasan, kongsi gelap dan masalah ketegangan kaum<br>F6 Memulihkan kepercayaan rakyat<br>F7 Rakyat yang hidup dalam penderitaan dan kesengsaraan akibat pemerintahan Jepun berharap dapat diselamatkan oleh pentadbiran BMA<br>F8 BMA mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu bagi mengembalikan kepercayaan rakyat supaya menyokong kepulangan British<br>F9 BMA berusaha untuk memulihkan kerosakan infrastruktur akibat bencana peperangan<br>F10 British berharap pemulihan sosioekonomi akan memulihkan kepercayaan rakyat<br>F11 BMA memulihkan ladang getah, lombong bijih timah<br>F12 BMA membaiki prasarana dan kemudahan kesihatan yang dimusnahkan oleh tentera Jepun<br>F13 BMA menghadapi kesukaran untuk membawa masuk jentera, alat ganti, mesin dan teknologi menyebabkan sosioekonomi sukar dipulihkan<br>F14 Walaupun BMA berusaha memulihkan kekacauan, rakyat hampa dengan ketidakupayaan BMA menangani masalah yang dihadapi mereka<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan peranan British Military Administration (BMA) selepas mengambil alih pentadbiran di Tanah Melayu.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br><br>1<br><br><br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br><br><br>1<br><br><br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| **5**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 97* | F1 Kesatuan<br>F2 Negeri-negeri Malayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat kecuali Singapura disatukan menjadi satu unit pentadbiran<br>F3 Raja-raja Melayu<br>F4 Sultan menjadi ahli Majlis Raja-raja<br>F5 Majlis Raja-raja hanya membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu<br>F6 Ketua Pentadbir<br>F7 Malayan Union diketuai oleh Gabenor British yang dilantik oleh Ratu England<br>F8 Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan Malayan Union dibentuk dibawah kawalan Pesuruhjaya Tinggi British<br>F9 Kewarganegaraan<br>F10 Prinsip Jus Soli menjadi asas kewarganegaraan Malayan Union<br>F11 Seluruh rakyat yang lahir di Tanah Melayu dan Singapura diiktiraf sebagai warga Malayan Union<br>F12 Mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas serta bermastautin selama 10 hingga 15 tahun akan diberi kewarganegaraan<br>F13 Mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun yang ibu bapanya merupakan warganegara, turut diberikan kewarganegaraan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan ciri-ciri pentadbiran dan kewarganegaraan yang akan dilaksanakan setelah Malayan Union diisytiharkan.<br>[*Mana-mana*: 8 × 1*m*] | 1<br>1<br><br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |
| **5**(*c*)<br>*KBAT* | M1 Kepentingan melindungi hak dan kuasa<br>M2 Supaya tidak kehilangan kuasa pemerintahan dan pengaruh terhadap rakyat.<br>M3 Menjamin hak istimewa orang Melayu terus terpelihara.<br>M4 Kesan kepada kestabilan politik dan sosial<br>M5 Untuk mengelakkan konflik antara kaum akibat perasaan tidak puas hati.<br>M6 Mencegah kehilangan sokongan daripada masyarakat Melayu terhadap institus diraja.<br>M7 Keputusan yang salah boleh memberi kesan buruk kepada warisan dan kedudukan institusi diraja Melayu.<br>M8 Menentukan hala tuju Tanah Melayu dalam usaha mencapai kemerdekaan<br>M9 Mempertahankan maruah bangsa, agama dan negara<br>M10 Mengelakkan negara menjadi tanah jajahan British<br>M11 Memperjuangkan hak orang Melayu di tanah air sendiri<br>M12 Menentang kewarganegaraan Jus Soli yang menafikan hak istimewa penduduk asal<br>M13 Mengelakkan ketidakseimbangan sosioekonomi antara kaum berpanjangan<br>M14 Memperjuangkan kesucian agama Islam daripada campur tangan British<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan sebab para sultan perlu mempertimbangkan cadangan Malayan Union dengan teliti sebelum memberikan persetujuan. Calon boleh mengambil maklumat dari petikan dan juga boleh memberikan pendapat sendiri berdasarkan petikan.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| **6**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 157* | (i)<br>F1 Dilancarkan olch Sir Henry Gumey/Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu<br>F2 Leftenan Jeneral Sir Harold Rowdon Briggs dilantik menjadi Pengarah Operasi<br>F3 Bcrtujuan memutuskan hubungan PKM dengan Min Yuen yang membekalkan makanan/senjata dan maklumat/ubat-ubatan kepada PKM<br>F4 Merupakan langkah berkesan untuk melemahkan pergerakan komunis<br>F5 Penduduk setinggan di pinggir hutan dipaksa berpindah dari kampung halaman kes sebuah penempatan baharu yang asing<br>F6 Digelar Kampung Baru<br>F7 Dilengkapi kemudahan tempat tinggal/bekalan elektrik/ airpaip/ sekolah/ kemudahan kesihatan/ pusat komuniti/rumah ibadat<br>F8 Menubuhkan jawatankuasa kampung<br>F9 Memelihara/memperbaik kemudahan di kampung baru<br>F10 Dipagari dengan kawat berduri<br>F11 Dikawal oleh Special Constables<br>F12 Lebih 423 ribu penduduk di pinggir hutan dipindahkan ke 410 buah Kampung Baru<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan usaha Rancangan Briggs bagi menangani ancaman komunis.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **6**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 159-160* | (ii)<br>F1 Usaha memenangi hati/fikiran rakyat<br>F2 Templer dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu<br>F3 Menjalinkan hubungan baik dengan penduduk tempatan<br>F4 Supaya mereka bekerjasama dengan pihak kerajaan<br>F5 Menyampaikan segala maklumat tentang komunis<br>F6 Berjaya memujuk rakyat berbilang kaum supaya bersatu/ membanteras ancaman komunis<br>F7 Mengadakan lawatan<br>F8 Templer mendampingi rakyat untuk mengetahui masalah/ pandangan mereka<br>F9 Melakukan sebanyak 122 lawatan ke sekolah kampung, hospital, dispensari, bilik operasi, pondok polis, unit pasukan keselamatan, buruh, lombong dan estet.<br>F10 Melakukan 20 lawatan ke Kampung Baru dan Kampung Melayu dengan diiringi isteri<br>F11 Isteri Templer menubuhkan cawangan Palang Merah/Pandu Puteri/pusat komuniti<br>F12 Melonggarkan syarat kewarganegaraan<br>F13 Bagi menarik kaum bukan Melayu menjadi rakyat Tanah Melayu<br>F14 Mewujudkan bangsa yang bersatu<br>F15 Seramai 1.2 juta orang Cina/180 ribu orang India layak menjadi warganegara<br>F16 Mengadakan Pilihan Raya Mailis Perbandaran Kuala Lumpur<br>F17 Kerajaan mengadakan pilihan raya pertama untuk menggalakkan penyertaan orang bukan Melayu dalam politik<br>F18 Mendapatkan sokongan untuk menentang komunis<br>F19 Menawarkan hadiah wang tunai<br>F20 Ditawarkan kepada penduduk yang dapat menangkap dan memberikan maklumat tentang gerila komunis | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 | |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F21 Mereka yang berjaya menangkap Chin Peng/pemimpin PKM sama ada hidup/ mati akan diberikan hadiah sebanyak $250 ribu | 1 | |
| | F22 Memenangi kepercayaan Orang Asli | 1 | |
| | F23 Supaya mereka menyokong kerajaan dalam usaha menghapuskan komunis | 1 | |
| | F24 Templer mendirikan 14 kubu untuk mendapatkan sokongan Orang Asli | 1 | |
| | F25 Menyediakan kemudahan barangan keperluan harian/ perubatan/ pendidikan/perlindungan | 1 | |
| | F26 Memajukan perkhidmatan penerangan | 1 | |
| | F27 Untuk mendapatkan sokongan penduduk tempatan | 1 | |
| | F28 Menjadikan Jabatan Penerangan/Perkhidmalan Radio Malaya sebagai medium untuk menimbulkan kesedaran kepada masyarakat | 1 | |
| | F29 Menyokong kerajaan membanteras komunis | 1 | |
| | F30 Jabatan ini bertanggungjawab menyebarkan risalah anti komunis kepada masyarakat | 1 | |
| | F31 Menyebarkan risalah kerajaan kepada komunis di dalam hutan | 1 | |
| | F32 Memperkenalkan kawasan hitam kawasan putih | 1 | |
| | F33 Kawasan hitam ialah kawasan yang terdiapat kegiatan komunis yang aktif | 1 | |
| | F34 Dikenakan perintah berkurung | 1 | |
| | F35 Kawasan putih ialah kawasan yang diisytiharkan bebas daripada ancaman komunis | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan usaha Perang Saraf bagi menangani ancaman komunis. [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **6**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 161* | F1 Peningkatan jumlah warganegara | 1 | |
| | F2 Kerajaan melonggarkan syarat kewarganegaraan | 1 | |
| | F3 Seramai 1.2 juta orang Cina, 180 ribu orang India menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu | 1 | |
| | F4 Menunjukkan pengorbanan orang Melayu terhadap kaum lain bagi mewujudkan perpaduan rakyat | 1 | |
| | F5 Penubuhan Malayan Chinese Association (MCA) | 1 | |
| | F6 Sir Henry Guney menawan hati penduduk Cina ke arah penubuhan parti politik berorientasikan tempatan | 1 | |
| | F7 Tan Cheng Lock membentuk MCA | 1 | |
| | F8 Menyakinkan British bukan semua orang Cina menyokong komunis | 1 | |
| | F9 MCA bersedia berganding bahu dengan kerajaan memerangi komunis | 1 | |
| | F10 MCA mempunyai 250 ribu orang ahli | 1 | |
| | F11 Membantu kerajaan dari segi kewangan | 1 | |
| | F12 Menempatkan 500 ribu orang penduduk semula ke Kampung Baru | 1 | |
| | F13 Menjalankan kutipan derma melalui jualan loteri kebajikan | 1 | |
| | F14 Kutipan tersebut didermakan kepada penduduk di Kampung Baru | 1 | |
| | F15 MCA berjaya mengumpulkan sebanyak $2.5 juta bagi memperbaiki kehidupan penduduk Cina di Kampung Baru | 1 | |
| | F16 Mempercepat kemerdekaan | 1 | |
| | F17 Darurat menjadi faktor yang mendorong British bersedia untuk mempercepatkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu | 1 | |
| | F18 Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Amara Kaum (CLC) meningkatkan kesedaran politik dalam kalangan pemimpin antara kaum | 1 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F19 Mereka boleh berkongsi kepentingan/hala tuju yang sama melalui penubuhan Parti Perikatan (UMNO-MCA-MIC)<br>F20 Kemenangan Parti Perikatan memberikan keyakinan kepada British bahawa Persekutuan Tanah Melayu dapat menewaskan komunis melalui perpaduan penduduk berbilang kaum<br>F21 British memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu<br>F22 PKM tidak mempunyai alasan untuk meneruskan perjuangannya<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan kesan politik dari zaman darurat terhadap negara kita.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **6**(*c*)<br>*KBAT* | **Maklumat dari petikan:**<br>M1 Darurat dan ancaman keganasan komunis menyebabkan penderitaan kepada penduduk<br>M2 Menjejaskan perkembangan ekonomi dan sosial negara.<br>M3 Bebanan perbelanjaan kerajaan turut meningkat<br>M4 Ribuan penduduk tidak berdosa terpaksa meninggalkan kampung halaman untuk berpindah ke kawasan yang disediakan oleh kerajaan.<br>M5 Peperangan yang berlarutan selama 12 tahun ini mengorbankan ribuan nyawa<br>M6 Termasuk perajurit negara yang gugur demi mempertahankan tanah air daripada ancaman musuh<br>**Inspirasi kepada rakyat:**<br>M7 Menanam semangat patriotisme untuk mempertahankan tanah air.<br>M8 Memberikan contoh keberanian dan kesungguhan dalam menghadapi cabaran.<br>M9 Menghargai pentingnya perpaduan<br>M10 Mengekalkan keamanan dan kestabilan negara.<br>M11 Menghadapi cabaran besar tanpa gentar<br>M12 Rakyat terinspirasi untuk bersikap berani<br>M13 Tidak mudah menyerah dalam apa jua keadaan.<br>M14 Rakyat terdorong untuk bekerjasama<br>M15 Bersatu demi kestabilan dan kemakmuran negara.<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan menjelaskan pengorbanan perajurit negara dalam menangani ancaman komunis yang memberi inspirasi kepada rakyat. Calon perlu mengambil maklumat dari petikan dan perlu memberikan pendapat sendiri bagi tugasan kedua.<br>[*Mana-mana jawapan yang berkaitan*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |
| **7**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 116-118* | F1 Masih mengamalkan pertanian sara diri<br>F2 Kegiatan ekonomi terhad<br>F3 Terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah<br>F4 Kejatuhan harga bahan mentah<br>F5 Masih bergantung kepada pengangkutan air/sungai<br>F6 Peluang pendidikan yang terhad<br>F7 Pembinaan sekolah hanya tertumpu di kawasan bandar sahaja<br>F8 Penduduk pedalaman tidak dapat peluang pendidikan yang secukupnya.<br>F9 Taraf hidup yang berbeza<br>F10 Masalah kesihatan dan sosial | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 | |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F11 Kemudahan perkhidmatan kesihatan<br>F12 Peluang pekerjaan yang terhad<br>F13 Kadar pengangguran meningkat<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan isu yang dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan dalam pembangunan dan ekonomi di Sarawak dan Sabah selepas pembentukan Malaysia.<br>[*Maksimum*: 6 *markah*] | 1<br>1<br>1<br><br><br><br>[*Maksimum*: 6 *markah*] | 6 |
| 7(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 127-128* | F1 Memperkenalkan tanaman kelapa sawit/koko<br>F2 Mencari pasaran baharu bagi getah dan bijih timah<br>F3 Mempelbagaikan pengeluaran komoditi negara<br>F4 Melancarkan program pembangunan bersepadu<br>F5 Menggalakkan aktiviti perkilangan/pembuatan<br>F6 Membuka kawasan baharu<br>F7 Mempercepatkan integrasi penduduk negeri<br>F8 Mendapatkan bantuan bank dunia<br>F9 Mengurangkan kadar kematian<br>F10 Memperkenalkan program Perancangan Keluarga<br>F11 Menambahbaik kemudahan kesihatan luar bandar<br>F12 Menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknik<br>F13 Meluaskan peluang pekerjaan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi menangani isu pembangunan dan ekonomi tersebut.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 6 *markah*] | 6 |
| 7(*c*)<br>*KBAT* | **Maklumat dalam petikan**<br>M1 Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatatkan penyusutan 3.4 peratus pada suku keempat 2020 dalam keadaan peningkatan ketara kes jangkitan Covid-19<br>M2 Prestasi keseluruhan tahun turun kepada -5.6 peratus berikutan perintah sekatan dan penutupan sempadan di peringkat global.<br>M3 Sektor pembuatan merupakan penyumbang utama ekonomi pada suku keempat 2020.<br>M4 Perkhidmatan, perladangan dan perlombongan masing-masing mengalami penguncupan.<br>M5 Kali terakhir KDNK tahunan negara mencatatkan kemerosotan adalah pada 2009 dengan -1.5 peratus<br>M6 Prestasi tahunan 2020 merupakan penyusutan kedua terbesar selepas 1998 pada - 7.4 peratus akibat Krisis Kewangan Asia.<br>M7 Pertumbuhan lebih perlahan disebabkan sekatan pergerakan yang ketat & gangguan bekalan komoditi.<br>**Langkah kerajaan**<br>M1 Memperkukuh sektor kritikal<br>M2 Memberikan insentif kepada sektor pembuatan dan eksport untuk terus berkembang.<br>M3 Menyokong sektor perkhidmatan<br>M4 Dengan bantuan kewangan dan inovasi digital.<br>M5 Melaksanakan program latihan semula untuk membantu rakyat menyesuaikan diri dengan pekerjaan baharu.<br>M6 Menggalakkan pelancongan domestik dan antarabangsa secaa berperingkat.<br>M7 Mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan<br>M8 Menguasai kemahiran teknologi terkini<br>M9 Membina kemahiran dalam teknologi maklumat<br>M10 Mengutamakan barangan buatan tempatan | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | M11 Menyokong dasar pembangunan negara<br>M12 Mengekalkan suasana aman dalam negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan mencadangkan langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara. Calon perlu ambil maklumat dari petikan dan juga perlu memberikan pendapat sendiri bagi menjawab tugasan kedua.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br><br><br><br><br><br><br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] | <br><br><br><br><br><br><br><br><br>8 |
| **8**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 158* | F1 Melahirkan satu bangsa dan negara yang bersatu padu<br>F2 Menganggap diri sebagai rakyat Malaysia<br>F3 Tidak mengira keturunan/kepercayaan<br>F4 Mempunyai kesetiaan /cinta akan negara<br>F5 Membentuk masyarakat yang adil<br>F6 Mempunyai peluang yang sama<br>F7 Menikmati kekayaan negara bersama-sama<br>F8 Golongan yang lemah mendapat bantuan<br>F9 Bebas daripada sebarang penindasan<br>F10 Membina masyarakat yang progresif<br>F11 Menyusun hidup selari dengan kemajuan sains/teknologi<br>F12 Bergerak sejajar dengan perubahan/kemajuan masa kini<br>F13 Tidak mengabaikan/mengekalkan nilai ketuhanan<br>F14 Melahirkan masyarakat liberal<br>F15 Bebas mengamalkan agama/adat resam/kebudayaan masing-masing<br>F16 Membentuk masyarakat yang menjadi sumber kekuatan bangsa dan negara.<br>F17 Memelihara cara hidup demokratik<br>F18 Rakyat bertindak melalui Parlimen<br>F19 Menerima perlembagaan negara<br>F20 Menerima hak asasi individu/ kebebasan berpolitik<br>F21 Mendahulukan kepentingan negara daripada kepentingan sesuatu kaum<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan matlamat pembentukan Rukun Negara.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **8**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 159* | (i)<br>F1 Negara kita mengamalkan sistem pemerintahan<br>F2 Raja merupakan simbol penyatuan dan perpaduan rakyat berbilang kaum<br>F3 Pengamalan prinsip ini dapat melahirkan rakyat yang menghormati simbol kedaulatan negara<br>F4 Rakyat akan patuh undang-undang<br>F5 Berusaha untuk meningkatkan imej negara<br>F6 Berani mempertahanan kedaulatan negara<br>F7 Mempunyai ciri patriotisme yang teguh<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan prinsip kesetiaan kepada raja dan negara dalam Rukun Negara.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | (ii) | | |
| | F1 Prinsip ini menuntut setiap rakyat menghormati undang-undang | 1 | |
| | F2 Tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang | 1 | |
| | F3 Berusaha untuk menyokong penguatkuasaan | 1 | |
| | F4 Rakyat perlu bertanggungjawab mempertahankan dan memelihara kedaulatan undang-undang daripada dicabar oleh mana-mana pihak | 1 | |
| | F5 Demi mengekalkan kehidupan yang aman dan harmoni | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan prinsip Kedaulatan undang-undang dalam Rukun Negara. [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **8**(*c*) *KBAT* | M1 Mempromosikan perpaduan nasional | 1 | |
| | M2 Rakyat Malaysia dapat hidup dalam suasana yang harmoni walaupun mempunyai latar belakang yang berbeza. | 1 | |
| | M3 Prinsip-prinsip seperti "Kepercayaan kepada Tuhan" dan "Kesetiaan kepada Raja dan Negara" membantu mengeratkan hubungan antara masyarakat pelbagai agama dan kaum. | 1 | |
| | M4 Menegakkan keadilan sosial dan hak asasi | 1 | |
| | M5 Rukun Negara menekankan prinsip "Keluhuran Perlembagaan" dan "Kedaulatan Undang-undang", yang menggalakkan semua rakyat menghormati undang-undang negara dan hak asasi setiap individu. | 1 | |
| | M6 Ini menjamin kesejahteraan sosial tanpa mengira latar belakang kaum atau agama. | 1 | |
| | M7 Memupuk perpaduan melalui toleransi dan hormat menghormati | 1 | |
| | M8 Masyarakat Malaysia yang majmuk memerlukan sikap saling menghormati dan toleransi untuk hidup bersama secara aman. | 1 | |
| | M9 Rukun Negara menggalakkan rakyat untuk menghormati budaya dan agama orang lain | 1 | |
| | M10 Mengelakkan perpecahan dan konflik. | 1 | |
| | M11 Mengukuhkan perpaduan melalui pendidikan | 1 | |
| | M12 Membantu generasi muda memahami kepentingan hidup dalam masyarakat yang harmoni. | 1 | |
| | M13 Mencapai kemakmuran bersama | 1 | |
| | M14 Membolehkan negara maju dan makmur secara kolektif | 1 | |
| | M15 Mengutamakan kepentingan negara berbanding kepentingan individu atau kumpulan tertentu. | 1 | |
| | M16 Kerjasama antara kaum dan sokongan kepada pembangunan negara | 1 | |
| | M17 Menjadikan Malaysia lebih kuat dan stabil. | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kepentingan pengamalan Rukun Negara dalam masyarakat Malaysia yang majmuk. Calon boleh mengambil maklumat dari petikan dan juga boleh memberikan pendapat sendiri berdasarkan maklumat. [*Mana-mana yang berkaitan*] [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |
| **9**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 229* | (i) | | |
| | F1 Beri bantuan kepada mangsa menerusi Konvensyen PBB mengenai Hak Kanak- Kanak 1989 | 1 | |
| | F2 Protokol PBB untuk cegah, sekat dan hukum pesalah | 1 | |
| | F3 Malaysia tubuhkan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) | 1 | |
| | F4 Kuatkuasakan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran | 1 | |

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F5 Tubuhkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang, untuk menjalankan rundingan dan dakwaan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan tindakan negara kita dalam mengatasi isu pemerdagangan manusia.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **9**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 229* | (ii)<br>F1 AIDS<br>F2 Kementerian Kesihatan Malaysia memastikan penyakit tidak merebak.<br>F3 Buat pemeriksaan kesihatan dan beri rawatan kepada pesakit<br>F4 WHO iktiraf Malaysia berjaya atasi penularan wabak daripada ibu kepada anak pada 2018<br>F5 Mendukung hasrat PBB dunia<br>F6 Bebas AIDS 2030 melalui National Strategic Plan Ending Aids-NSPEA (Pelan Strategik Kebangsaan Mengakhiri AIDS)<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan tindakan negara kita dalam mengatasi isu penyakit berjangkit.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **9**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 227* | (iii)<br>F1 Tuntutan Pulau Sipadan dan Ligitan dengan Indonesia<br>F2 Diselesaikan oleh Mahkamah Antarabangsa (2002)<br>F3 Menjadi milik Malaysia<br>F4 Tuntutan Pulau Batu Putih<br>F5 Dengan Singapura<br>F6 Diselesaikan di Mahkamah Antarabangsa (2008)<br>F7 Memutuskan Pulau Batu Putih milik Singapura<br>F8 Tuntutan Kepulauan Spratly<br>F9 Antara China, Vietnam, Brunei, Filipina<br>F10 Geostrategik di tengah rantau Asia Tenggara<br>F11 Kepentingan perdagangan<br>F12 Membangkitkan isu dalam Forum ASEAN -China (1995)<br>F13 Belum ada penyelesaian<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan tindakan negara kita dalam mengatasi isu pertindihan sempadan.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **9**(*b*)<br>*KBAT* | M1 Kempen minyak sawit bertujuan untuk memberi pemahaman yang lebih baik kepada masyarakat global tentang manfaat dan kelestarian industri minyak sawit.<br>M2 Dengan pemahaman yang mendalam, sokongan terhadap minyak sawit dapat dipertingkatkan<br>M3 Menjadikannya lebih diterima dan dihargai di peringkat antarabangsa.<br>M4 Meningkatkan kesedaran tentang manfaat ekonomi minyak sawit<br>M5 Pemahaman yang lebih mendalam mengenai sumbangan ekonomi minyak sawit<br>M6 Seperti penyediaan peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan negara pengeluar, dan penggerak utama sektor perladangan.<br>M7 Menunjukkan bahawa industri minyak sawit memberi kesan positif kepada ekonomi negara pengeluar, terutamanya di negara-negara membangun seperti Malaysia dan Indonesia.<br>M8 Mempromosikan kelestarian dan amalan pertanian yang bertanggungjawab<br>M9 Kempen ini memberi fokus kepada amalan pertanian yang mampan | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 | |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | M10 seperti penggunaan teknologi hijau dan pengurusan ladang yang bertanggungjawab. | 1 | |
| | M11 Penglibatan dengan badan antarabangsa seperti RSPO (Roundtable on Sustainable ` Palm Oil) | 1 | |
| | M12 Menjamin bahawa minyak sawit dihasilkan tanpa merosakkan alam sekitar dan mengurangkan deforestasi. | 1 | |
| | M13 Membetulkan persepsi negatif mengenai minyak sawit | 1 | |
| | M14 Memberi penjelasan tentang kesan positif minyak sawit dari segi kesihatan | 1 | |
| | M15 Penggunaan dalam pelbagai produk makanan dan bukan makanan | 1 | |
| | M16 Menyediakan fakta tentang pengurangan pencemaran dan pemeliharaan biodiversiti melalui amalan pertanian yang lebih mesra alam | 1 | |
| | M17 Meningkatkan sokongan pengguna global | 1 | |
| | M18 Menggalakkan syarikat untuk lebih komited terhadap amalan mampan | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cara untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang kempen minyak sawit supaya dapat membantu meningkatkan sokongan global terhadap produk ini. Calon boleh mengambil maklumat dari infografik dan juga boleh memberikan pendapat sendiri yang berkaitan dengan kehendak soalan. [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |

# KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA SET 4

## Kertas 1

**1** **D** Nobat dan regalia antara lambang kebesaran pada zaman kesultanan Melayu Melaka yang merupakan identiti sesebuah kerajaan dan keistimewaan Sultan Melaka. Lambang kebesaran ini juga menjadi simbol kedaulatan sultan yang memerintah. Selain dari lambang kebesaran ini termasuklah juga adat istiadat, penggunaan warna, dan cap mohor.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 7*

**2** **A** Sumber pendapatan Kesultanan Melayu Melaka diperoleh daripada urusan perdagangan, segala jenis cukai dan ufti daripada wilayah taklukan serta naungan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 9*

**3** **A** Revolusi Keagungan di England berlaku disebabkan oleh keinginan menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat. Manakala Revolusi Perancis, Rousseau telah mengemukakan keunggulan suara rakyat bagi menjamin kesejahteraan masyarakat.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 24-25*

**4** **B** Ibu Zain merupakan penggerak utama majalah Bulan Melayu. Beliau kerap mengingatkan wanita berkaitan dengan kepentingan ilmu pengetahuan untuk mengangkat martabat wanita. Ibu Zain juga telah menganjurkan Tabung Derma Pelajaran Tinggi untuk anak perempuan Melayu Semenanjung.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 43*

**5** **C** Perang Dunia Kedua tercetus akibat kemunculan ideologi baharu, ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles dan kegagalan Liga Bangsa-Bangsa.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 58-59*

**6** **B** Peluasan kuasa Jepun berkait dengan keperluan perindustrian, pengaruh golongan tentera dan mewujudkan orde baharu Asia. Jepun sebagai sebuah kuasa industri berusaha mengurangkan pergantungan kepada negara Barat untuk mendapatkan bahan mentah. Oleh itu, Jepun memerlukan wilayah yang dapat membekalkan bahan mentah dan menjadi kawasan pasaran bagi mengembangkan lagi perindustrian. Golongan tentera berpendapat bahawa masalah ekonomi Jepun boleh diselesaikan menerusi penaklukan kawasan yang kaya dengan bahan mentah dan boleh menjadi kawasan pasaran. Oleh itu, pada Oktober 1941, Jeneral Hideki Tojo menjadi Perdana Menteri Jepun dan mengheret Jepun ke kancah peperangan. Di bawah pengaruh tentera, dasar luar Jepun terarah kepada matlamat mengembangkan kuasa, mewujudkan kebebasan ekonomi dan menentang imperialisme Barat. Orde tersebut kemudiannya dikembangkan ke seluruh Asia.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 64-68*

**7** **A** United Malays National Organisation (UMNO) menganjurkan bantahan besar-besaran menentang Malayan Union. Tunjuk perasaan besar-besaran menentang Malayan Union diadakan semasa Ahli Parlimen British, iaitu L.D.Gammans dan David Rees Williams membuat tinjauan berkaitan dengan penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 106*

**8** **C** Rakyat tempatan menentang penyerahan Sarawak pada tahun 1946 kepada British kerana Tindakan Vyner Brooke Bertentangan dengan Perlembagaan 1941 yang menyatakan bahawa pemerintahan sendiri akan diberikan kepada rakyat Sarawak. Namun begitu, tindakan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British telah melanggar Prinsip Kelapan Perlembagaan 1941. Selain itu, Vyner Brooke mengetepikan Surat Wasiat Charles Brooke. Golongan menentang penyerahan mahu memulihkan pemerintahan Dinasti Brooke supaya dapat menuntut kemerdekaan dengan mudah. Akhir sekali, Gerard T.MacBryan menggunakan pelbagai muslihat seperti tekanan, desakan, pujukan dan sogokan untuk mendapatkan persetujuan daripada ketua tempatan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 109*

**9** **B** Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menyerahkan Sabah kepada kerajaan British pada tahun 1946 kerana Sabah memenuhi kepentingan British sebagai sebuah negeri yang berpotensi menggantikan tanah jajahan yang dilepaskan kerana Sabah berupaya untuk membekalkan sumber bahan mentah dan kawasan pasaran bagi barangan British. Faktor seterusnya ialah, meneruskan dasar British dalam hubungan luar Sabah kerana Sabah telah menjadi negeri naungan British. Faktor yang terakhir ialah masalah kewangan SBUB akibat kemusnahan oleh tentera Jepun yang memerlukan kos yang besar untuk baik pulih dan kos ini tidak dapat ditanggung oleh SBUB.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 114-115*

**10** **A** Golongan nasionalis Melayu radikal membidas kerajaan British kerana menjalankan perundingan secara tertutup dengan UMNO. Pihak British mengetepikan PKMM daripada Jawatankuasa Kerja tersebut. Golongan ini bergabung membentuk Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA).

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 128*


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**11 C** Pada 16 Jun 1948, komunis membunuh tiga orang pengurus ladang Eropah di Sungai Siput, Perak. Komunis membunuh Arthur Walker, pengurus Ladang Ephil, John Allison, pengurus Ladang Phin Soon dan pembantunya lan Cristian. Berikutan dengan peristiwa tersebut, Sir Edward Gent, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu mengisytiharkan darurat di kawasan Perak dan Johor.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 148*

**12 B** Home Guard ialah pasukan Pengawal Kampung. Tugas mereka membantu menyekat pergerakan bekalan makanan dan ubatan daripada jatuh ke tangan komunis. Anggotanya diberikan latihan ketenteraan untuk mengawal kampung dan pekan. Mereka juga berjaya membantu dalam usaha mengamankan kampung dan melindungi pekerja lombong bijih timah daripada serangan komunis. Sarawak Rangers bertugas untuk menjejak persembunyian komunis di dalam hutan. Senoi Praaq (Urang Perang) ditugaskan mengesan tempat persembunyian komunis di dalam hutan. Mereka lebih dikenali sebagai "The Silent Killers". Special Constables pula bertugas untuk mengawal ladang dan kawasan lombong. Mereka menjadi barisan hadapan dalam menghadapi ancaman komunis.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 155*

**13 C** Ahli yang menganggotai Sistem Ahli ialah Dato' Onn Jaafar, Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri; E.E.C.Thuraisingham, Ahli Pelajaran; Lee Tiang Keng,Ahli Kesihatan;Tunku Yaacob ibni Sultan Abd. Hamid, Ahli Pertanian dan Perhutanan; Dato' Mahmud Mat, Ahli Tanah, Lombong dan Perhubungan; Dato' Nik Ahmad Kamil, Ahli Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancang Bandar; H.S.Lee, Ahli Pengangkutan ; dan Dr.Ismail Abdul Rahman, Ahli Hasil Bumi.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178*

**14 B** Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 mengemukakan teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan dengan hasrat memupuk integrasi dan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum, iaitu melalui: Sistem persekolahan yang sama bagi kanak-kanak daripada semua bangsa; Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama; dan Kandungan kurikulum yang seragam dan bercorak kebangsaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 183*

**15 D** Majlis yang dirujuk dalam ucapan Tunku Abdul Rahman tersebut adalah Majlis Perundangan Persekutuan yang dibentuk berikutan kemenangan besar parti Perikatan dalam Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu 1955. MPP berperanan menggubal undang-undang pentadbiran pada peringkat Persekutuan Tanah Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 205*

**16 A** Peranan Kabinet Pertama adalah membincangkan isu keselamatan dalam negeri dan pertahanan; membincangkan soal kewangan dan keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam; menyambung sistem yang diguna pakai dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan yang berasaskan Model Westminster; mengurangkan kuasa pentadbiran British; dan meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 206*

**17 B** Lord Reid, Sir Willliam Mckell, Sir William Ivor Jennings, Hakim B. Malik dan Hakim Abdul Hamid adalah ahli yang menggangotai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid. Antara tugas suruhanjaya ini termasuklah membincangkan, menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 221*

**18 C** Parti Perikatan telah menyuarakan cadangan berkenaan kewarganegaraan melalui memorandum yang dinamakan Testament Amanah Politik Perikatan. Semasa menyediakan memorandum ini, terdapat perbezaan pandangan tentang isu jus soli dalam parti Perikatan. Terdapat beberapa pihak dalam UMNO yang menolak pemberian kewarganegaraan *jus soli*.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 222*

**19 B** Jawatankuasa Sambutan berperanan untuk memeriahkan sambutan pada peringkat ibu kota dan negeri. Antaranya ialah bangunan di sekitar bandar, jalanraya dan Padang Kelab Selangor dihiasi lampu. Sebanyak 75 ribu bendera Persekutuan Tanah Melayu turut ditempah khas dari kilang kain di Jepun dan dibawa dengan kapal laut. Menteri dan pegawai tinggi kerajaan disediakan pakaian khas iaitu "baju muskat". Kerajaan juga menganjurkan kursus khas berkaitan dengan protokol yang diikuti oleh sebanyak 300 orang pegawai kerajaan selama tiga hari. Selain itu, semua pegawai dan kakitangan kerajaan diberikan gaji seminggu lebih awal untuk memberikan peluang menyambut kemerdekaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 237*

**20 B** Pada detik 12:00 tengah malam selepas laungan dan "Merdeka"oleh orang ramai. Bendera Union Jack mula diturunkan oleh Tahir Abdul Majid dengan diiringi lagu God Save The Queen yang dimainkan sebagai tanda berakhirnya pentadbiran British di Tanah Melayu. Bendera Union Jack diturunkan dan disambut dengan tepukan dan laungan "Merdeka". Bendera Persekutuan Tanah Melayu kemudian dinaikkan dengan diiringi lagu Negaraku yang diperdengarkan buat kali pertama kepada umum pada malam bersejarah itu. Tunku Abdul Rahman memberikan tabik hormat semasa bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 238*

**21 A** Kedaulatan tradisional merujuk sistem pemerintahan berkuasa mutlak yang menguasai sepenuhnya segala urusan negara. Kedaulatan negara kita berpaksi pada kedaulatan Raja-raja Melayu. Kedaulatan terletak pada kekuasaan dan kewibawaan raja. Raja merupakan pemerintah yang mempunyai kuasa tertinggi. Kedudukan dan kedaulatan raja diperkukuh oleh taat setia rakyat.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 6*

**22 B** Rakyat Malaysia memainkan peranan dalam menyokong usaha kerajaan mengekalkan perpaduan kaum dengan cara menggunakan bahasa kebangsaan dan menghayati prinsip Rukun Negara yang dapat menjamin perpaduan kaum. Selain itu, memahami dan menghormati agama serta budaya pelbagai kaum. Rakyat juga perlu mengamalkan semangat perkongsian, bertoleransi dan saling menghormati sesama rakyat Malaysia dan melibatkan diri dalam program kemasyarakatan yang dapat memupuk kerjasama antara kaum.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 13*

**23 C** Ciri moden dalam Perlembagaan Persekutuan ialah Kerajaan Persekutuan; Sistem Demokarasi Berparlimen; dan Kewarganegaraan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 28-29*

**24 D** Pindaan perlembagaan yang dilakukan bertujuan menyesuaikan peruntukan negeri baharu ke dalam perlembagaan tanpa mengubah kedudukan negeri yang sedia ada.Terdapat beberapa pindaan perlembagaan yang utama dilakukan pada tahun 1963 dan 1965 melibatkan struktur Mahkamah Atasan dan pemisahan Singapura.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 30-31*

**25 A** Kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam bidang perundangan ialah baginda memperkenankan sesuatu Rang Undang-Undang yang melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Yang di-Pertuan Agong juga mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang, memberhentikan dan membubarkan Parlimen. Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Agama Islam di negeri baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah.Baginda juga bertanggungjawab menjaga serta melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah serta melindungi kepentingan sah kaum lain di Malaysia. Yang di-Pertuan Agong juga boleh membuat pengisytiharan darurat.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 49*


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**26 D** Parlimen ialah badan perundangan tertinggi di Malaysia. Parlimen berkuasa menggubal undang-undang. Selain itu, Parlimen juga boleh membuat pindaan undang-undang Persekutuan sedia ada, menyemak dasar kerajaan, meluluskan perbelanjaan kerajaan dan sistem cukai yang baharu.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 53*

**27 B** Antara fungsi Kerajaan Tempatan (Pihak Berkuasa Tempatan) ialah menyediakan perkhidmatan pembersihan; Mengeluarkan lesen dan kawalan penjaja; Membangunkan perumahan awam; Menyediakan kemudahan sukan dan kebudayaan; Menjaga kesihatan awam; Mengindahkan kawasan; Menyediakan pasukan bantuan dan penyelamat; Menyenggara sistem saliran; Menyenggara jalan raya; Menyediakan kemudahan awam; dan menyediakan perkhidmatan kecemasan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 71*

**28 B** Bagi memulihara khazanah laut di negara kita, 42 buah pulau di perairan Kedah, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah dan Labuan diwartakan sebagai taman laut sejak tahun 1994. Jabatan Taman Laut Malaysia ditubuhkan pada tahun 2007 sebagai agensi Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab secara keseluruhan dalam dasar pengurusan taman laut di Malaysia yang kemudian dipindahkan ke Jabatan Perikanan Malaysia. Selain itu Jabatan Perikanan Malaysia juga melaksanakan Program restorasi karang di Taman Laut Malaysia, Aktiviti pembersihan dasar laut di Taman Laut Malaysia dan menjalankan rondaan dan Pengawal seliaan di perairan Taman Laut oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 75*

**29 D** Filipina menentang penubuhan Malaysia pada tahun 1963 kerana Presiden Diosdado Pangan Macapagal (Macapagal) dari Filipina menuntut wilayah Sabah. Walau bagaimanapun, bagi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tuntutan ini adalah di bawah urusan kerajaan British.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 97*

**30 D** Tun Abdul Razak Hussein dan Dr.Subandrio, Menteri Luar Indonesia, menghadiri mesyuarat peringkat Menteri Luar di Manila pada 7-11 Jun 1963 bagi mencari penyelesaian konfrontasi.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 108*

**31 A** Singapura dipisahkan daripada Persekutuan Malaysia pada tahun 1965 kerana Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan Lee Kuan Yew menandatangani persetujuan untuk Singapura keluar daripada Malaysia. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj kemudiannya membawa usul pemisahan Singapura ke dalam Parlimen Malaysia. Parlimen meluluskan rang undang-undang pemisahan Singapura. Hal ini menyebabkan segala yang berkaitan Singapura dibatalkan dalam perlembagaan Malaysia termasuklah hal imigresen.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 119*

**32 D** Isu masalah kesihatan dan sosial serta kadar kelahiran tidak normal dan kematian yang tinggi adalah di antara isu dalam kesihatan selepas pembentukan Malaysia. Selain daripada isu tersebut terdapat juga isu keperluan asas dan hak wanita dari segi kehamilan yang terhad untuk memperoleh kesihatan terbaik dan kurangnya kemudahan perkhidmatan kesihatan profesional kepada ibu-ibu yang mengandung. Kerajaan telah melaksanakan usaha melalui program mengurangkan kadar kelahiran, memperkenalkan program Perancang Keluarga dan menambah baik perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 128*

**33 B** Laporan Rahman Talib mencadangkan beberapa cadangan tambahan kepada Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 untuk memperkukuh semangat kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan murid pelbagai kaum ke arah perpaduan. Antara cadangan tersebut ialah; Penekanan kepada mata pelajaran Sejarah untuk menanam perasaan cinta dan kesetiaan terhadap negara; dan mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat untuk membentuk sikap bertoleransi, bekerjasama dan persefahaman antara kaum.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 145*

**34 A** Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan secara dwitahunan pada peringkat kebangsaan yang disertai oleh 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan. SUKMA bertujuan mengeratkan hubungan kaum serta integrasi antara negeri.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 153*

**35 B** Majlis Perundingan Negara (MAPEN) ditubuhkan pada bulan Januari 1970. MAPEN dianggotai oleh pelbagai lapisan masyarakat. MAPEN ditubuhkan untuk mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional untuk memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat. Hasilnya,terbentuk satu dasar ekonomi negara yang dikenali sebagai DEB.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 166*

**36 B** Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) adalah Program pembangunan wilayah dijalankan dengan pembukaan tanah untuk industri getah dan kelapa sawit.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 171*

**37 B** Matlamat penggubalan dasar luar ialah, mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara; melindungi kepentingan nasional; mempertahankan dan memajukan kepentingan Malaysia; memupuk hubungan baik dengan negara luar; dan menghadapi perkembangan serta cabaran politik, ekonomi dan sosial.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 196*

**38 A** Malaysia menentang Dasar Aparteid kerana dasar ini menyalahgunakan hak asasi manusia dengan membezakan hak seseorang berdasarkan warna kulit.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 207*

**39 C** Perjanjian AFTA bertujuan menjadikan kawasan ASEAN sebagai tempat produksi yang kompetitif bagi hasil keluaran negara ASEAN. Satu bentuk kerjasama ekonomi dalam kalangan negara ASEAN dapat dilaksanakan melalui AFTA terutama untuk mengurangkan tarif dan cukai barangan. Malaysia terlibat sepenuhnya dalam AFTA. Pelibatan ini membawa kebaikan kepada perkembangan ekonomi negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 230*

**40 A** Muslim Care ditubuhkan pada tahun 2006 dan secara aktif menjalankan misi kemanusiaan termasuk di Palestin.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 234*


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

## Kertas 2

### Bahagian A

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| **1**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 26-27* | X: Dr. Sun Yat Sen<br>Y: Maharaja Mikado Meiji<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan nama tokoh-tokoh yang terlibat.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] | 2 |
| **1**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 26-27* | Dr Sun Yat Sen (China)<br>F1 Menentang pemerintahan Dinasti Manch<br>F2 Dianggap orang luar<br>F3 Kehilangan mandat/kepercayaan<br>F4 Gagal menghalang pengaruh Barat<br>F5 Mengemukakan Tiga Prinsip Rakyat<br>F6 Nasionalisme/Demokrasi/Kebajikan sosial<br>F7 1911 meletus gerakan Revolusi China<br>F8 Dinasti Manchu digulingkan Mikado Meiji (Jepun)<br>F9 Digerakkan oleh pemerintah Jepun<br>F10 Mengelakkan ancaman imperialisme barat<br>F11 Melancarkan gerakan pemulihan Jepun<br>F12 Menekankan pemodenan mengikut model Barat<br>F13 Kesediaan mencapai kemajuan<br>F14 Prinsip dan semangat bushido<br>F15 Sikap sanggup menanggung risiko<br>F16 Bersungguh-sungguh dalam mencapai cita-cita dan sedia berkorban<br>F17 Jepun muncul sebagai negara perindustrian<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskkan matlamat perjuangan Dr. Sun Yat Sen dan Maharaja Mikado Meiji.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **1**(*c*)<br>*KBAT* | M1 Memperteguhkan perpaduan kaum<br>M2 Memastikan keamanan dan kemakmuran negara terpelihara<br>M3 Menjalankan tugas dengan amanah<br>M4 Meningkatkan lagi semangat patriotisme dalam diri<br>M5 Menanamkan semangat sanggup berkorban untuk mempertahankan negara<br>M6 Meningkatkan penguasaan diri dalam bidang teknologi<br>M7 Taat setia kepada raja dan negara<br>M8 Berani menghadapi cabaran<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan cadangan untuk mempertahankan negara kita daripada sebarang penjajahan bentuk baharu pada masa hadapan.<br>[*Mana-mana jawapan yang berkaitan*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **2**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 97* | F1 Kesatuan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu<br>F2 Bersekutu dan Negeri-negeri Selat disatukan menjadi satu unit pentadbiran.<br>F3 kecuali Singapura<br>F4 Raja-raja/Sultan menjadi Ahli Majlis Raja-Raja<br>F5 Hanya membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu<br>F6 Ketua pentadbir Malayan Union diketuai oleh Gabenor British dilantik oleh Raja England. | 1<br><br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>1 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F7 Pembentukan Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan Malayan Union. | 1 | |
| | F8 Di bawah kawalan Pesuruhjaya Tinggi British | 1 | |
| | F9 Kewarganegaraan prinsip jus soli menjadi asas kewarganegaraan Malayan Union | 1 | |
| | F10 Seluruh rakyat yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura diiktiraf sebagai warga Malayan Union | 1 | |
| | F11 Mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas serta bermastautin selama 10 tahun hingga 15 tahun akan diberikan kewarganegaraan. | 1 | |
| | F12 Mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun yang ibu bapanya merupakan warganegara turut diberikan kewarganegaraan | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union. [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] | 2 |
| **2**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 100-106* | F1 Membawa kes Malayan Union ke MahkamahTinggi England | 1 | |
| | F2 Persidangan Raja-raja Melayu di Istana Iskandariah Kuala Kangsar | 1 | |
| | F3 Sultan Perak, Sultan Kedah dan Sultan Johor akan berangkat ke England sekiranya kehadiran mereka diperlukan di mahkamah tersebut. | 1 | |
| | F4 Menghantar surat bantahan ke London | 1 | |
| | F5 Sultan Kedah, Perak dan Johor mengutus surat bantahan kepada Setiausaha Tanah Jajahan British, George Henry Hall Tuanku Syed Putra Jamalullail mengirim telegram kepada kerajaan British di London. | 1 | |
| | F6 Menyokong Kongres Melayu | 1 | |
| | F7 Sultan Hisamuddin Alam Shah ibni Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah menderma sebanyak $15 ribu kepada Persatuan Melayu Selangor. | 1 | |
| | F8 Permaisuri Perak memimpin Gerakan menentang Malayan Union | 1 | |
| | F9 Tuanku Permaisuri Perak, Raja Perempuan Kelsom mengetuai barisan hadapan perarakan. | 1 | |
| | F10 Memulau upacara pelantikan Gabenor Malayan Union | 1 | |
| | F11 Dato' Onn Jaafar mempersembahkan resolusi Kongres Melayu, memohon Rajaraja Melayu supaya bersama-sama dengan rakyat memboikot upacara pelantikan Gabenor Malayan Union. | 1 | |
| | F12 Menggunakan akhbar | 1 | |
| | F13 Menyeru orang Melayu mengadakan perhimpunan besar besaran. | 1 | |
| | F14 Sentiasa melaporkan perkembangan berita penentangan orang Melayu. | 1 | |
| | F15 Utusan Melayu, Majlis, Warta Negara | 1 | |
| | F16 Peranan tokoh pentadbir Melayu | 1 | |
| | F17 Menggerakkan orang Melayu menentang Malayan Union dengan pelbagai strategi. | 1 | |
| | F18 Membantah usaha British untuk terus menjajah Tanah Melayu | 1 | |
| | F19 Dato Onn Jaafar, Dato' Nik Ahmad Kamil, Za'ba,Tengku Mohamed, Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz | 1 | |
| | F20 Bantahan wanita | 1 | |
| | F21 Merupakan benteng barisan hadapan menentang Malayan Union. | 1 | |
| | F22 Berucap membantah pelaksanaan Malayan Union | 1 | |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F23 Cikgu Zaharah Abdullah, Halimahton Abd Majid, Saleha Mohd Ali, Zaharah Tamin, Datin Puteh Mariah Ibrahim Rashid | 1 | |
| | F24 Bantahan persatuan Melayu | 1 | |
| | F25 Mengadakan perhimpunan orang Melayu dari seluruh dunia | 1 | |
| | F26 Persatuan ditubuhkan dan diaktifkan semula | 1 | |
| | F27 Menjadi penggerak menganjurkan rapat umum | 1 | |
| | F28 Syarikat Bekerjasama Am Saiburi (SABERKAS), Persatuan Melayu Kedah, Perikatan Melayu Perak, Persatuan Melayu Selangor dan Persatuan Melayu Joho berjaya menghimpunkan orang Melayu dari seluruh negara dan setiap lapisan masyarakat untuk membantah Malayan Union. | 1 | |
| | F29 Mengadakan kongres | 1 | |
| | F30 Oleh pemimpin dan cendekiawan Melayu pada peringkat negeri. | 1 | |
| | F31 Diadakan di Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur. | 1 | |
| | F32 Mereka mewakili pelbagai lapisan masyarakat. | 1 | |
| | F33 Penubuhkan United Malays National Organisation (UMNO) | 1 | |
| | F34 Untuk menentang Malayan Union | 1 | |
| | F35 Mengadakan tunjuk perasaan secara besar-besaran. | 1 | |
| | F36 Mengadakan perhimpunan | 1 | |
| | F37 Oleh pemimpin persatuan Melayu | 1 | |
| | F38 Memakai lilitan kain putih di songkok sebagai tanda berkabung | 1 | |
| | F39 Kelantan, Kedah dan Johor | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan reaksi penduduk tempatan terhadap pembentukan Malayan Union. [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **2**(*c*) KBAT | **Setuju** | | |
| | M1 Melindungi Kedaulatan Raja-Raja Melayu | 1 | |
| | M2 Malayan Union mengurangkan kuasa raja-raja Melayu | 1 | |
| | M3 Raja hanya sebagai simbolik sahaja. | 1 | |
| | M4 Penentangan memastikan institusi raja kekal sebagai lambang kedaulatan negara. | 1 | |
| | M5 Mempertahankan Hak Istimewa Orang Melayu | 1 | |
| | M6 Malayan Union memberi kerakyatan kepada imigran melalui prinsip jus soli. | 1 | |
| | M7 Penentangan membantu memastikan kedudukan istimewa orang Melayu dalam pentadbiran dan ekonomi terus dilindungi. | 1 | |
| | M8 Kebimbangan terhadap Penjajahan Berpanjangan | 1 | |
| | M9 Malayan Union dianggap sebagai langkah British untuk terus menjajah Tanah Melayu. | 1 | |
| | M10 Penduduk tempatan menentang bagi memastikan perjuangan ke arah kemerdekaan diteruskan. | 1 | |
| | M11 Solidariti dan Kesatuan Rakyat | 1 | |
| | M12 Penentangan terhadap Malayan Union menyatukan penduduk tempatan tanpa mengira latar belakang. | 1 | |
| | M13 Ini membentuk asas kepada perpaduan nasional. | 1 | |
| | **Tidak Setuju** | | |
| | M1 Peluang untuk kemajuan | 1 | |
| | M2 Malayan Union memperkenalkan pentadbiran yang lebih sistematik dan bersatu | 1 | |
| | M3 Membuka ruang untuk pembangunan negara. | 1 | |
| | M4 Meningkatkan Integrasi Kaum | 1 | |
| | M5 Polisi jus soli dalam Malayan Union mungkin dapat menyatukan pelbagai kaum di Tanah Melayu. | 1 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | M6 Meningkatkan hubungan dengan British<br>M7 Menerima Malayan Union boleh membantu mengekalkan hubungan baik dengan British<br>M8 Membawa kepada bantuan pembangunan ekonomi.<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan pendirian sama ada bersetuju atau tidak tentang langkah yang diambil oleh penduduk tempatan yang menentang Malayan Union. Calon perlu memberikan alasan untuk menyokong pendirian calon.<br>[*Mana-mana jawapan yang berkaitan*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br><br>1<br><br><br><br><br><br>[*Maksimum*:<br>4 *markah*] | <br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>4 |
| **3**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 121* | F1 Gerakan politik<br>F2 Komunis menentang gagasan Malaysia<br>F3 Komunis membentuk Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU).<br>F4 Komunis meneruskan rancangan melalui Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU)<br>F5 Komunis menyusup melalui Gerila Rakyat Sarawak untuk membentuk republik komunis di Sarawak.<br>F6 Serangan Bersenjata<br>F7 Menyerang batu Kitang, Kuching Sarawak yang menandakan permulaan seranga komunis terhadap orang awam<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan bentuk ancaman komunis di Sarawak.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*:<br>2 *markah*] | <br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>2 |
| **3**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 121-123* | F1 Perang Saraf<br>F2 Mengadakan perhimpunan awam tentang bahaya komunis<br>F3 Menyebarkan risalah untuk menyampaikan maklumat<br>F4 Mengisytiharkan kawasan putih yang bebas dari ancaman komunis<br>F5 Tawaran pengampunan kepada anggota komunis<br>F6 Pembangunan infrastruktur dengan menyediakan kemudahan perhubungan yang lebih baik<br>F7 Operasi Ketenteraan<br>F8 Dijalankan di bahagian Pertama iaitu Operasi Hammer pada tahun 1965<br>F9 Operasi RASCOM dilaksanakan di Bahagian Ketiga<br>F10 Operasi Sri Aman dilancarkan di bahagian Kedua<br>F11 Berjaya melemahkan gerakan komunis di Sarawak<br>F12 Operasi Hammer<br>F13 Operasi Hammer ialah membangkitkan semangat penentangan daripada penduduk tempatan<br>F14 Operasi Hammer dijalankan di bahagian Pertama dan Ketiga oleh RASCOM<br>F15 Kaedah yang sama diguna pakai dalam Rancangan Briggs iaitu memenangi hati dan fikiran rakyat<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan usaha kerajaan menangani ancaman komunis di Sarawak.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br><br>[*Maksimum*:<br>4 *markah*] | <br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>4 |
| **3**(*c*)<br>*KBAT* | **Perasaan**<br>M1 Marah<br>M2 Sedih<br>M3 Kecewa<br>M4 Tidak puas hati | <br>1<br>1<br>1<br>1 | |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | **Kerjasama** | | |
| | M5 Memberi maklumat tentang kedudukan komunis | 1 | |
| | M6 Kempen bahaya komunis | 1 | |
| | M7 Menyertai tentera sukarelawan untuk menentang komunis | 1 | |
| | M8 Tidak menyertai pengganas komunis. | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan perasaan calon ketika berada dalam situasi tersebut dan calon perlu memberikan cadangan untuk berkerjasama dengan kerajaan bagi membanteras ancaman tersebut. | | |
| | [*Mana-mana jawapan yang berkaitan*] [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **4**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 212* | F1 Menjadi tuan rumah sidang kemuncak NAM pada tahun 2003 | 1 | |
| | F2 Menjadi pengerusi NAM | 1 | |
| | F3 Memperjuangkan isu dasar Aparteid, Isu Palestin, Bosnia Herzegovina | 1 | |
| | F4 Melaksanakan dasar aman dan berkecuali | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam NAM. [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] | 2 |
| **4**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 213* | F1 Rantau Asia Tenggara perlu diterima sebagai sebuah kawasan berkecuali | 1 | |
| | F2 Kuasa besar seperti China, Rusia dan Amerika perlu mengakuinya | 1 | |
| | F3 Tidak memberikan tekanan kepada negara di rantau Asia Tenggara | 1 | |
| | F4 Isu kawalan senjata nuklear | 1 | |
| | F5 Malaysia menandatangani Perisytiharaan Lusaka pada tahun 1970 | 1 | |
| | F6 Iltizam NAM mendesak pengharaman senjata tersebut | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan sumbangan Malaysia dalam dasar keamanan dan berkecuali. [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **4**(*c*) *KBAT* | M1 Melindungi dan menjaga kepentingan negara-negara yang membangun | 1 | |
| | M2 Dapat menyuarakan isu-isu negara yang menanggotai NAM | 1 | |
| | M3 Malaysia sentiasa membantu dan memperjuangkan kedudukan negara-negara anggota | 1 | |
| | M4 Menjadi negara anggota yang bertanggungjawab dalam memperjuangkan isu keganasan dan hak asasi manusia | 1 | |
| | M5 Melindungi kestabilan ekonomi, politik dan sosial bagi negara yang menganggotai | 1 | |
| | M6 Dasar luar Malaysia tentang pertahanan dan politik | 1 | |
| | M7 Hubungan kerjasama dari pelbagai negara bagi menyelesaikan isu berbangkit | 1 | |
| | M8 Memastikan keamanan bagi negara-negara anggota tanpa campur tangan dari negara lain | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan sebab Malaysia perlu memainkan peranan dalam isu-isu antarabangsa yang melibatkan penindasan kepada negara-negara yang lemah. [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| 5(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 54* | F1 Persaingan kuasa imperialis<br>F2 Perkembangan Revolusi Perindustrian<br>F3 Persaingan mendapatkan tanah jajahan<br>F4 Memperoleh bahan mentah<br>C4 Arang batu/ petroleum/ bijih timah<br>F5 Memasarkan hasil industri<br>F6 Timbul permusuhan antara kuasa imperialis<br>C6 Perancis/ Jerman<br>F7 Pakatan Ketenteraan<br>H7 Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga<br>F8 Ketidakstabilan politik berterusan di Eropah<br>F9 Persaingan menghasilkan senjata moden<br>F10 Sedia berperang mempertahankan kepentingan masing-masing<br>F11 Krisis Rantau Balkan<br>F12 Permusuhan Austria-Hungary dengan Serbia<br>F13 Austria-Hungary menuduh Serbia menghasut rakyat Austria berketurunan Serb<br>F14 Berjuang membebaskan diri daripada pemerintahan Austria-Hungary<br>F15 Pembunuhan Archduke Ferdinand/ Putera Mahkota Austria-Hungary dan isterinya Sophie oleh seorang pemuda Serbia<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan faktor yang menyebabkan Perang Dunia Pertama berlaku.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| 5(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 57* | F1 Keruntuhan pemerintahan beraja<br>C1 Jerman/ Austria-Hungary/ Rusia/ Empayar Uthmaniyah<br>F2 Kerajaan Republik Jerman didirikan<br>F3 Kaiser Wilhem II terpaksa turun takhta<br>F4 Mendapatkan perlindungan politik di Belanda<br>F5 Pemerintahan Dinasti Habsburgh di Austria-Hungary berakhir<br>F6 Timbul pemberontakan di wilayah yang dikuasainya<br>F7 Pemerintahan Tsar Nicholas II di Rusia tumbang<br>F8 Berlaku revolusi di Rusia<br>F9 Kerajaan komunis pertama pimpinan Vladimir Lenin terbentuk<br>F10 Sultan Mehmed VI, khalifah empayar Uthmaniyah digulingkan<br>F11 Kerajaan Turki bercorak republik ditubuhkan di bawah pimpinan Mustafa Kemal Ataturk<br>F12 Kemunculan negara baharu<br>F13 Keruntuhan empayar Turki melahirkan negara Austria/ Czechoslovakia/Yugoslavia<br>F14 Perpecahan empayar Rusia membawa penubuhan negara Poland/ Estonia/ Latvia/ Lithuania<br>F15 Perpecahan empayar Uthmaniyah melahirkan negara Lebanon/ Syria/ Iraq<br>F16 Kesan kepada negara kita<br>F17 Raja-raja Melayu diminta menandatangani perisytiharan perang<br>H18 Menyokong/ memberi taat setia kepada kerajaan British<br>F19 Menyekat kebangkitan orang Melayu<br>F20 Pelbagai undang-undang berkaitan perang diluluskan pentadbiran British<br>F21 Memperuntukkan kuasa Pesuruhjaya Tinggi British meletakkan negeri Melayu di bawah undang-undang tentera jika keadaan memerlukan<br>F22 Kemakmuran ekonomi Tanah Melayu dimanipulasi oleh British<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kesan perang tersebut terhadap dunia.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| **5**(*c*) KBAT | M1 Peperangan merugikan semua pihak yang terlibat | 1 | |
| | M2 Kemusnahan perang bukan hanya berlaku di medan peperangan sahaja | 1 | |
| | M3 Banyak nyawa akan terkorban | 1 | |
| | M4 Banyak harta benda akan musnah | 1 | |
| | M5 Peperangan menyebabkan konflik yang berlarutan sukar untuk dipecahkan | 1 | |
| | M6 Berlaku kerosakan moral/ pengaruh negatif pada masyarakat | 1 | |
| | M7 Konflik yang berlarutan menyebabkan perpisahan keluarga/ kemiskinan/ pelarian | 1 | |
| | M8 Kesan perang merangkumi kesan politik, ekonomi dan sosial negara | 1 | |
| | M9 Imej negara di persada antarabangsa akan merosot | 1 | |
| | M10 Memprovokasi negara lain tidak akan menamatkan masalah yang menjejaskan seluruh dunia | 1 | |
| | M11 Penyelesaian terbaik untuk menyelesaikan masalah antara negara adalah dengan cara damai | 1 | |
| | M12 Rundingan di meja bulat dan berdialog merupakan langkah terbaik apabila menghadapi sesuatu masalah bagi menjamin kesejahteraan dunia | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan kesan peperangan kepada dunia mengikut peribahasa yang diberikan. Calon juga boleh menggunakan gambar yang diberikan sebagai bahan ransangan. | | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |
| **6**(*a*) Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 234-235 | F1 Bebas daripada sebarang cengkaman kuasa asing. | 1 | |
| | F2 Bebas menentukan pemerintahan dan hala tuju negara. | 1 | |
| | F3 Bebas daripada penjajahan/ kurungan/ naungan. | 1 | |
| | F4 Negara yang berdaulat iaitu mempunyai kuasa tertinggi. | 1 | |
| | F5 Kemerdekaan ibarat perhentian dalam perjalanan yang jauh untuk wujudkan negara baharu yang berdaulat. | 1 | |
| | F6 Merdeka juga bermaksud menghayati jiwa merdeka dengan sayangi negara sepenuh hati dan sanggup berkorban dengan apa cara sekalipun. | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan maksud kemerdekaan. | | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | *Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **6**(*b*) Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 116-117 | F1 Pengamalan Sistem Raja Berperlembagaan | 1 | |
| | F2 Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua utama negara dengan bidang khas tertentu | 1 | |
| | F3 Sistem Demokrasi Berparlimen diamalkan | 1 | |
| | F4 Rakyat mempunyai kuasa untuk memilih kerajaan dan pemerintah melalui proses pilihan raya | 1 | |
| | F5 Pilihan raya memberi rakyat hak bersuara dan memilih wakil untuk menentukan hala tuju negara | 1 | |
| | F6 Parlimen berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat Persekutuan | 1 | |
| | F7 Peringkat negeri, Dewan Undangan Negeri berkuasa menggubal undang - undang | 1 | |
| | F8 Negara di tadbir oleh rakyat tempatan | 1 | |
| | F9 Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Perdana Menteri PTM yang pertama | 1 | |
| | F10 Negara memainkan peranan penting dalam organisasi antarabangsa seperti PBB | 1 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F11 Negara mendapat pengiktirafan antarabangsa<br>F12 Ekonomi negara berkembang pesat<br>F13 Penubuhan FELDA<br>F14 Rancangan Malaya Pertama<br>F15 Penubuhan institusi kewangan<br>F16 Bank Negara/ Malay National Bank/ Kwong Yik Bank<br>F17 Pembangunan luar bandar<br>F18 Rancangan Buku Merah<br>F19 Pembangunan sosial ditingkatkan<br>F20 Pendidikan/ Penyata Rahman Talib diwujudkan<br>F21 Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka<br>F22 Penubuhan Jabatan Penerangan<br>F23 Kemudahan awam/ bekalan air/ bekalan elektik di sediakan<br>F24 Hospital/ pusat kesihatan di bina di luar bandar<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kesan kemerdekaan kepada negara kita.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |
| 6(*c*)<br>*KBAT* | **Maklumat dari petikan**<br>M1 Menikmati kemerdekaan adalah impian hidup setiap rakyat bagi negara yang dijajah British<br>M2 Kemerdekaan tidak ternilai nikmatnya<br>M3 Memberi peluang kepada sesebuah negara menentukan hala tuju dan masa depan<br>M4 Kemerdekaan negara ini dikongsi oleh tiga kaum utama/Melayu/ Cina/ India/ lain-lain etnik di Sabah dan Sarawak<br>M5 Kemajuan negara bukan sahaja sumbangan besar kepemimpinan negara<br>M6 Pelbagai lapisan masyarakat atau rakyat bekerja keras dalam memastikan kehidupan kita berubah<br>**Cara anda menghargai kemerdekaan negara**<br>M7 Mematuhi undang-undang negara<br>M8 Sanggup bekorban demi negara<br>M9 Menyambut hari kemerdekaan dengan penuh syukur<br>M10 Bersatu padu dengan semua lapisan masyarakat<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan menerangkan cara untuk mengekalkan kemerdekaan. Calon perlu mengambil maklumat dari petikan dan perlu memberikan pendapat sendiri bagi tugasan kedua.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |
| 7(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 93* | F1 Faktor Keselamatan<br>F2 Ancaman komunis di Singapura<br>F3 Menggugat keselamatan Persekutuan Tanah Melayu<br>F4 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menanggap Singapura akan menjadi pusat kegiatan komunis<br>F5 Penyatuan dengan Singapura dapat memberikan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan<br>F6 Dalam bidang keselamatan dan pertahanan bagi membendung ancaman komunis di Singapura<br>F7 Sarawak diancam komunis melalui gerakan Clandestine Communist Orgaization / CCO<br>F8 Penyatuan Sarawak dapat beri kuasa kepada kerajaan British membendungancaman komunis<br>F9 Mempercepatkan kemerdekaan<br>F10 British dapat merealisasikan rancangan dekolonisasi | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 | |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F11 Mempercepatkan kemerdekaan wilayah Borneo<br>F12 Usaha ini memerlukan sokongan penduduk wilayah Borneo<br>F13 Keseimbangan komposisi penduduk<br>F14 Penyertaan Singapura dalam pembentukan Malaysia akan mewujudkan ketidakseimbangan komposisi penduduk antara orang Melayu dan orang Cina<br>F15 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj / pemimpin UMNO bimbang<br>F16 Penggabungan Sarawak, Sabah dan Brunei akan menyeimbangkan komposisi antara kaum<br>F17 Pembangunan wilayah<br>F18 Cadangan penyertaan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei membentuk sebuah negara<br>F19 Bertujuan agar wilayah ini bersatu<br>F20 Dalam usaha mempercepatkan pelbagai bidang pembangunan<br>F21 Pembentukan Malaysia boleh meningkatkan taraf hidup peribumi dalam pelbagai aspek<br>F22 Seperti infrastruktur/ sosial/ ekonomi yang lebih seimbang<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>[*Maksimum*:<br>6 *markah*] | 6 |
| 7(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 95-97* | F1 Penduduk / parti politik di Persekutuan Tanah Melayu bersetuju menerima cadangan pembentukan Malaysia<br>F2 Tunku Abdul Rahman Putra al Haj mendapat sokongan UMNO<br>F3 Di Sarawak, BARJASA yang dipimpin oleh Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya'kub/ Datu Tuanku Haji Bujang Tuanku Othman menyokong pembentukan Malaysia.<br>F4 PANAS/ PESAKA/ SCA turut menyokong<br>F5 SNAP pada peringkat awal menentang, kemudian menyokong<br>F6 Di Sabah, UNKO / USNO / Pasok Momogun / SCA menyokong pembentukan Malaysia<br>F7 Menubuhkan gabungan menyokong Malaysia dinamakan Sabah Alliance pada Oktober 1962<br>F8 Di Singapura, People's Action Party (PAP) yang dipimpin Lee Kuan Yew menyokong<br>F9 Golongan pedagang / pengusaha industri menyokong / membuka peluang pasaran yang lebih besar<br>F10 Parti lain, Parti Buruh Singapura bersetuju tetapi menganggap suatu usaha yang sukar untuk dilaksanakan<br>F11 Di Brunei, Sultan Brunei iaitu Sultan Omar Ali Saifuddin menyokong cadangan<br>F12 Peringkat awal, rakyat Brunei berminat menyertai gabungan ini<br>F13 Tetapi mereka ingin mencapai kemerdekaan terlebih dahulu<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan reaksi tempatan yang menyokong pembentukan Malaysia.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br><br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br><br>*Maksimum*:<br>6 *markah*] | 6 |
| 7(*c*)<br>*KBAT* | M1 Menghormati pemimpin<br>M2 Bekerjasama dengan pemimpin<br>M3 Demi membangunkan negara<br>M4 Menyokong dasar-dasar pembangunan negara yang diperkenalkan oleh pemimpin<br>M5 Ekonomi berkembang pesat<br>M6 Cinta kepada negara<br>M7 Sanggup berkorban mempertahankan negara<br>M8 Demi menjaga keselamatan negara | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | M10 Kedaulatan negara dapat dikukuhkan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cara untuk menunjukkan penghargaan terhadap usaha pemimpin dalam memastikan kesejahteraan negara terpelihara. Calon boleh mengambil maklumat dari lirik dan juga boleh memberikan ulasan sendiri.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>[*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |
| **8**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 144* | F1 Memupuk perpaduan kaum<br>F2 Menyatupadukan rakyat<br>F3 Menyediakan tenaga kerja mahir<br>F4 Terdiri daripada pelbagai kaum<br>F5 Mengadakan sistem pendidikan<br>F6 Memenuhi keperluan negara<br>F7 Menggalakkan perkembangan kebudayaan/ ekonomi/ sosial/ politik<br>F8 Melahirkan rakyat yang berilmu / seimbang<br>F9 Melahirkan rakyat yang menyumbang kepada keharmonian / kemakmuran negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan sebab Dasar Pendidikan Kebangsaan digubal<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **8**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 145* | (i)<br>F1 Masih mengekalkan teras sistem pendidikan kebangsaan<br>F2 Memupuk perpaduan / integrasi<br>F3 Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar<br>F4 Penggunaan bahasa yang seragam dapat mewujudkan perpaduan<br>F5 Kurikulum yang sama<br>F6 Berorientasikan negara bagi semua jenis sekolah<br>F7 Mewujudkan perasaan cinta akan negara<br>F8 Memperkukuh semangat kekitaan dan kebersamaan<br>F9 Penekanan kepada mata pelajaran Sejarah<br>F10 Menanam perasaan cinta / kesetiaan terhadap negara<br>F11 Mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat<br>F12 Membentuk sikap bertoleransi / bekerjasama / persefahaman<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cadangan dalam Laporan Rahman Talib 1960.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **8**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 146* | (ii)<br>F1 Memperkukuh perpaduan<br>F2 Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan<br>F3 Bahasa Melayu menjadi mata pelajaran wajib dalam peperiksaan awam<br>F4 Penegasan kepada pendidikan kerohanian<br>F5 Melalui mata pelajaran Pendidikan Islam / Pendidikan Moral.<br>F6 Penekanan terhadap aktiviti kokurikulum<br>F7 Melibatkan semua kaum<br>F8 Unit beruniform / sukan / permainan / persatuan<br>F9 Menghasilkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah<br>F10 (KBSR) yang diperkenalkan pada tahun 1982<br>F11 Menghasilkan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM)<br>F12 Menghasilkan Falsafah Pendidikan Negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cadangan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet 1974.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| **8**(*c*)<br>*KBAT* | M1 Berisiko untuk tidak memperoleh pendidikan yang berkualiti.<br>M2 Menjejaskan peluang mereka untuk memperoleh pekerjaan yang baik<br>M3 Menjejaskan pendapatan keluarga.<br>M4 Tidak akan memperoleh kemahiran atau pengetahuan yang diperlukan untuk pekerjaan yang lebih baik.<br>M5 Terpaksa menerima pekerjaan yang kurang berkemahiran dan berpendapatan rendah<br>M6 Bergantung kepada pendapatan yang rendah<br>M7 Pekerjaan yang tidak stabil<br>M8 Mengakibatkan taraf hidup yang lebih rendah.<br>M9 Keluarga yang kurang berpendapatan akan berhadapan dengan cabaran dalam memenuhi keperluan asas<br>M10 Seperti pendidikan, kesihatan, dan perumahan.<br>M11 Keciciran murid dalam pendidikan meningkatkan kemungkinan jurang sosial dan ekonomi antara golongan kaya dan miskin,<br>M12 Ketidaksamaan dalam masyarakat.<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan mengenai keciciran murid yang akan memberi kesan kepada taraf ekonomi keluarga. Calon boleh mengambil maklumat dari petikan dan juga boleh memberikan pendapat sendiri berdasarkan maklumat di dalam petikan.<br>[*Mana-mana jawapan yang berkaitan*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br><br><br><br><br><br>[*Maksimum*:<br>8 *markah*] | <br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>8 |
| **9**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 208-209* | F1 Cabaran politik antarabangsa<br>F2 Mengamalkan dasar berkecuali tanpa mengira ideologi<br>F3 Menjalinkan hubungan dengan negara China<br>F4 Lawatan Tun Abdul Razak Hussein pada tahun1974<br>F5 Cabaran politik serantau<br>F6 Kebanjiran pendatang asing Vietnam ke Asia Tenggara<br>F7 Pada tahun 1976, Malaysia telah menggerakkan usaha menyokong<br>F8 Sidang Kemuncak ketua-ketua Negara ASEAN di Bali, Indonesia<br>F9 Bagi membincangkan pergolakan di Indochina<br>F10 Masa depan rantau Asia Tenggara<br>F11 Cabaran keselamatan dan pertahanan<br>F12 Anglo-Malaysia Defence Agreement [AMDA] perjanjian antara Malaysia dengan Britain yang ditandatangani pada 1971<br>F13 Malaysia juga menandatangani perjanjian pertahanan baharu<br>F14 Five Power Defence Arrangements-FPDA pada 15-16 April 1971<br>F15 Melibatkan Malaysia, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia<br>F16 Mengukuhkan bantuan teknikal dan latihan bersama mengukuhkan pertahanan dan keselamatan negara<br>F17 Cabaran pembangunan ekonomi<br>F18 Wujud dominasi negara maju menentukan harga komoditi bijih timah, getah, hasil minyak dan gas negara<br>F19 Malaysia menjadi anggota pertubuhan antarabangsa<br>F20 Majlis Timah Antarabangsa<br>F21 Perjanjian umum tarif dan perdagangan<br>F22 Mendesak agar harga barangan dapat dikawal<br>F23 Membolehkan negara memperolehi hasil minyak dan gas | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F24 Menubuhkan PETRONAS<br>F25 Membangunkan sektor minyak dan gas negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan cabaran-cabaran untuk mengukuhkan dasar negara luar negara kita sejak mencapai kemerdekaan.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br>1<br>[*Maksimum*: 6 *markah*] | 6 |
| **9**(*b*)<br>KBAT | F1 Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara<br>F2 Melindungi kepentingan nasional<br>F3 Mempertahankan dan memajukan kepentingan Malaysia<br>F4 Memupuk hubungan baik dengan negara luar<br>F5 Menghadapi perkembangan serta cabaran politik, ekonomi dan sosial<br>F6 Meningkatkan Perdagangan dan Ekonomi<br>F7 Menjamin Keamanan dan Kestabilan<br>F8 Pertukaran Teknologi dan Pengetahuan<br>F9 Mempromosikan budaya negara dan menjalin hubungan sosial yang lebih rapat dengan negara luar<br>F10 Malaysia boleh memainkan peranan penting dalam menangani isu global<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab Malaysia perlu menjalinkan hubungan baik dengan negara luar<br>[*Mana-mana jawapan yang berkaitan*]<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 6 *markah*] | 6 |
| **9**(*c*)<br>KBAT | M1 Kekurangan sokongan dan kerjasama daripada negara-negara lain.<br>M2 Kesukaran dalam Perdagangan dan Ekonomi<br>M3 Sukar untuk memperoleh akses ke pasaran luar negara<br>M4 Sukar mengadakan perjanjian perdagangan, atau menarik pelaburan asing<br>M5 Memberi kesan negatif kepada ekonomi negara<br>M6 Kehilangan peluang kerjasama dan pembangunan<br>M7 Tiada kemajuan negara dalam menghadapi cabaran global.<br>M8 Sukar mendapatkan bantuan atau sokongan dalam menghadapi ancaman luar atau serangan dari negara lain.<br>M9 Penurunan Imej dan Pengaruh Antarabangsa<br>M10 Negara yang tidak menjalinkan hubungan diplomatik boleh dilihat sebagai negara yang tidak peduli dengan perkembangan global atau berisiko menjadi negara yang tidak diendahkan dalam keputusan-keputusan antarabangsa.<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki untuk meramalkan keadaan yang mungkin berlaku jika terdapat pemerintah sesebuah negara tidak mahu menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara lain.<br>[*Mana-mana jawapan yang berkaitan*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

# KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA SET 5

## Kertas 1

**1 C** Lambang kebesaran pada zaman kesultanan Melayu Melaka yang merupakan identiti sesebuah kerajaan dan keistimewaan Sultan Melaka. Lambang kebesaran ini juga menjadi simbol kedaulatan sultan yang memerintah.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 7*

**2 A** Seorang malim harus arif tentang ilmu pelayaran. Malim perlu mengetahui keadaan ombak, arus dan kedudukan bulan dan bintang agar pelayaran berada dalam keadaan selamat. Dalam fasal yang sama, jika malim lalai dalam menjalankan tugas sehingga menyebabkan pelanggaran dan kerosakan, dia akan dijatuhi hukuman bunuh.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 11*

**3 D** Nasionalisme bermaksud perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara. Nasionalisme boleh diertikan sebagai semangat kebangsaan yang menjelaskan sikap dan pendekatan berkaitan dengan perjuangan menentang penjajahan serta pembelaan terhadap bangsa dan negara. Menurut Hans Kohn dan Profesor Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid, nasionalisme merupakan satu gerakan yang meletakkan kesetiaan seseorang hanya kepada negara atau bangsanya yang telah lama ada dan bersifat ke "Tanah Melayuan". Ini menunjukkan kedua-dua tokoh memfokuskan nasionalisme ini ada kaitan dengan negara bangsa.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s.22-23*

**4 D** Karya Kartini, Hilang Gelap Terbitlah Terang pada tahun 1911 yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan judul Letters of a Javanese Princess. Karya tersebut mendedahkan dasar diskriminasi Belanda yang menindas dan membawa kemunduran kepada bangsa Indonesia.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 30*

**5 B** Perjuangan tokoh agama sejak awal abad ke-20 yang dibawa oleh gerakan Islah. Gerakan ini dipelopori oleh Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Haji Abbas Mohd Taha dan Syed Sheikh al-Hadi.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 33*

**6 C** Hitler berusaha untuk memulihkan nasionalisme Jerman dengan mengetepikan Perjanjian Versailles. Hitler membina angkatan tentera semula dan seterusnya menduduki Rhineland semula, wilayahnya yang hilang melalui Perjanjian Versailles.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 58*

**7 B** Peluasan kuasa Jepun didorong oleh keperluan perindustrian, pengaruh tentera, dan usaha mewujudkan Orde Baharu Asia. Jepun ingin mengurangkan pergantungan kepada Barat dengan menakluk wilayah yang kaya dengan bahan mentah dan berpotensi sebagai pasaran. Pada Oktober 1941, Jeneral Hideki Tojo dilantik sebagai Perdana Menteri, membawa Jepun ke kancah peperangan. Di bawah pengaruh tentera, dasar luar Jepun tertumpu kepada pengembangan kuasa, kebebasan ekonomi, dan penentangan terhadap imperialisme Barat. Orde Baharu ini kemudian meluas ke seluruh Asia.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 34*

**8 C** British Military Administration (BMA) berusaha untuk memulihkan keamanan dan kestabilan dengan membubarkan pasukan MPAJA pada 1 Disember 1945. BMA mengarahkan semua senjata yang diberikan kepada mereka semasa pendudukan Jepun dahulu dikembalikan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 94*

**9 A** Kewarganegaraan melalui prinsip jus soli menjadi asas kewarganegaraan Malayan Union. Melalui kewarganegaraan ini, seluruh rakyat yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura diiktiraf sebagai warga Malayan Union. Mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas serta bermastautin selama 10 tahun hingga15 tahun juga akan diberikan kewarganegaraan. Bagi mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun yang ibu bapanya merupakan warganegara, turut diberikan kewarganegaraan. Kewarganegaraan yang longgar menyebabkan orang Melayu akan hilang warisan dan lebih banyak merugikan orang Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s.97*

**10 C** Cadangan PUTERA meliputi perkara yang berikut; Kedudukan Bahasa Melayu; Pertahanan dan hal ehwal luar negeri; Syarat kewarganegaraan Tanah Melayu; dan Bendera serta lagu kebangsaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s.130*

**11 C** Pada tahun 1920, beberapa orang pemimpin komunis dari Indonesia seperti Tan Malaka, Alimin, Moeso, Boedisoejitro, Hasanoesi, Winanta, Soebakat dan Sutan Perpateh menyebarkan fahaman komunis di Seberang Perai, Pulau Pinang, Perak Utara dan Kedah. Namun begitu,usaha mereka tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu kerana komunis menggunakan kekerasan untuk mencapai matlamat mereka.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s.146*

**12 A** Perang saraf ialah rancangan yang dilaksanakan oleh British untuk menghapuskan komunis melalui usaha memenangi hati dan fikiran rakyat. Pada tahun 1952, Templer dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu. Beliau ingin menjalinkan hubungan baik dengan penduduk tempatan supaya mereka bekerjasama dengan pihak kerajaan dan menyampaikan segala maklumat tentang komunis. Antara tindakan yang dilaksanakan di bawah Perang Saraf ialah, mengadakan lawatan; Melonggarkan Syarat Kewarganegaraan; Mengadakan Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur; Menawarkan Hadiah Wang Tunai; Memenangi Kepercayaan Orang Asli; Memajukan Perkhidmatan Penerangan Kerajaan; dan Memperkenalkan Kawasan Hitam dan Kawasan Putih.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s.159*

**13 C** Objektif yang hendak dicapai oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) ialah; Mengkaji hubungan kaum secara mendalam; Membetulkan keadaan politik,ekonomi dan sosial supaya wujud pembahagian yang adil untuk semua komuniti; Mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah dalam kalangan penduduk di negara ini.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s.174*

**14 D** Sistem Ahli merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu. Sistem Ahli memberikan latihan kepada penduduk tempatan berkaitan dengan pentadbiran negeri sebelum British memberikan kemerdekaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s.179*

**15 B** Kerajaan Persekutuan mewujudkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Raya bagi Majlis Mesyuarat Perundangan untuk mengkaji dan membuat cadangan tentang perkara tersebut.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s.196*

**16 C** Penetapan tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 ditentukan selepas Tunku Abdul Rahman dan beberapa pemimpin yang lain meminta pandangan daripada Sheikh Abdullah Fahim, ulama besar dari Kepala Batas, Pulau Pinang.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s.218*


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**17 D** Lord Reid, Sir Willliam Mckell, Sir William Ivor Jennings, Hakim B. Malik dan Hakim Abdul Hamid adalah ahli yang menggangotai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid. Antara tugas suruhanjaya ini termasuklah membincangkan, menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s.220*

**18 A** Dalam usaha membentuk Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 (PTM), satu perjanjian telah ditandatangani pada 5 Ogos 1957 yang dinamakan sebagai Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Perjanjian ini mengandungi beberapa perkara seperti Pengamalan Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen, kewarganegaraan, kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain, kedudukan agama Islam dan bahasa.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s.225*

**19 B** Cabaran kerajaan Persekutuan pada peringkat awal kemerdekaan adalah untuk menggantikan pegawai Eropah dengan rakyat tempatan, khususnya dalam bidang profesional, pendidikan tinggi, keselamatan dan pertahanan. Tunku Abdul Rahman dan Dato'Abdul Razak Hussein memberikan komitmen yang tinggi bagi melaksanakan penggantian ini secara berperingkat dengan melantik rakyat tempatan dalam pelbagai bidang.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s.242*

**20 B** Apabila Persekutuan Tanah Melayu merdeka, negara kita juga diterima untuk menyertai pertubuhan Komanwel. Pertubuhan Komanwel bermanfaat untuk merapatkan hubungan sosioekonomi dengan negara ahli. Komanwel juga menjadi medan untuk negara kita mempamerkan komitmen terhadap isu yang dihadapi oleh negara anggota.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s.243*

**21 C** Mengikut pandangan Aristotle, kedaulatan merupakan kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan sesebuah negara. Kedaulatan merujuk kerajaan yang terikat oleh undang-undang.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.5*

**22 C** Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia kedua melawat kawasan luar bandar bagi memantau pelaksanaan program pertanian. Program ini adalah salah satu tindakan kerajaan dalam memakmurkan ekonomi.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.10*

**23 C** Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan sistem demokrasi di Malaysia. Asas kepada demokrasi ialah pilihan raya umum pada tahun 1955. Tujuan utama pilihan raya adalah untuk memberikan kebebasan kepada rakyat memilih wakil pemimpin dan menubuhkan kerajaan. Bagi menentukan pilihan raya dapat dijalankan dengan adil, maka ditubuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya. Badan ini bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjalankan pilihan raya.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.29*

**24 A** Apabila Malaysia dibentuk, Mahkamah Atasan diwujudkan iaitu Mahkamah Persekutuan. Tiga buah Mahkamah Atasan diwujudkan, iaitu di Persekutuan Tanah Melayu, di Sarawak dan Sabah serta di Singapura. Mahkamah Persekutuan boleh mendengar mana-mana persoalan perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.30*

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**25 A** Pemerintahan beraja berperanan bagi mengimbangi pemerintahan demokrasi kerana raja berkecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar negara. Kuasa pengimbang yang ada pada raja mampu meredakan konflik yang berlaku dalam demokrasi seperti pertikaian parti politik yang pelbagai ideologi dan perselisihan antara kaum.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.56*

**26 B** Kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam perlembagaan tidak bersifat mutlak, tetapi tertakluk pada sekatan yang ditentukan oleh undang-undang yang digubal oleh Parlimen Malaysia. Sekatan tersebut bertujuan memastikan ketenteraman dan kesejahteraan awam terjamin dalam masyarakat yang demokratik. Kebebasan bersuara termasuklah kebebasan media yang dikawal oleh Akta Hasutan 1948 serta Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.51*

**27 A** Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Persekutuan. Persekutuan bermaksud penyatuan beberapa buah negeri dan membentuk sebuah negara bersekutu.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.66*

**28 D** Selepas tahun 2005, kerjasama sosioekonomi dilaksanakan melalui Pembangunan Koridor Wilayah berlandaskan projek pembangunan. Pembangunan Koridor Wilayah merupakan perancangan strategik jangka panjang yang memberikan tumpuan kepada pembangunan di negeri dan wilayah yang kurang pesat untuk mewujudkan keseimbangan pembangunan negeri dan wilayah.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.73*

**29 C** Idea penyatuan wilayah penguasaan British di Asia Tenggara bertujuan untuk membentuk satu entiti politik dan ekonomi. Langkah ini bertujuan supaya menjadi satu tanah jajahan yang besar dan untuk memudahkan urusan pentadbiran disamping mempunyai potensi ekonomi yang besar.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.91*

**30 A** Parti Rakyat Brunei yang dipimpin oleh A.M.Azahari menentang cadangan tersebut kerana beliau lebih berminat untuk menggabungkan Brunei, Sarawak, Sabah dan Kalimantan Utara dalam satu kesatuan. A.M.Azahari berpendapat bahawa pembentukan Malaysia merupakan satu cara kerajaan British untuk mengekalkan pengaruh agar dapat menguasai ekonomi dan menjamin keselamatan. Selain itu, mereka juga khuatir Brunei akan kehilangan sebahagian besar kekayaan sekiranya menyertai gabungan ini.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.93*

**31 A** Saiz negeri yang besar bagi Sarawak dan Sabah menjadi cabaran dalam bidang perhubungan dan pengangkutan. Kedua-dua negeri masih bergantung pada sistem pengangkutan air (sungai dan laut) bagi tujuan perhubungan. Oleh itu, tugas utama kerajaan adalah untuk membina sistem perhubungan dan pengangkutan terutama kepada penduduk di kawasan pedalaman.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.117*

**32 D** Pada pagi 26 Ogos 1975, PKM meletupkan Tugu Negara di Kuala Lumpur. Tindakan mengebom tempat awam menimbulkan kemarahan rakyat terhadap komunis dan menuntut kerajaan mengambil tindakan tegas termasuklah mengenakan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Pihak keselamatan telah mengambil langkah memperkuat perkhidmatan perisikan untuk mengawasi kegiatan komunis.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.125*

**33 A** Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi yang digunakan sebagai alat untuk memupuk perpaduan kaum. Kedudukan bahasa Melayu dimartabatkan melalui penggubalan undang- undang yang dikenali sebagai Akta Bahasa Kebangsaan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.148*


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**34 D** Prinsip ini adalah untuk memastikan bahawa setiap rakyat perlu sentiasa bersopan santun, hormat-menghormati dan berakhlak mulia. Kesopanan dan kesusilaan dapat menjamin hubungan baik sesama kaum agar terus kekal terpelihara. Prinsip ini menjadi garis panduan yang perlu dijadikan amalan dan disemai dalam diri setiap rakyat Malaysia. Penghayatan nilai murni akan melahirkan suasana yang harmoni dan saling bertolak ansur.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.159*

**35 A** Matlamat DEB adalah untuk mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum dengan menggunakan strategi bersifat serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan memperbanyak peluang pekerjaan kepada rakyat tanpa mengira kaum serta menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.167*

**36 B** Kerajaan meneruskan rancangan pembangunan wilayah untuk meningkatkan integrasi ekonomi yang saling melengkapi antara negeri. Usaha memperbaik ketidakseimbangan pembangunan wilayah memudahkan pencapaian kesamarataan pendapatan antara kaum di negara ini. Antaranya ialah, Malaysian Agricultural Research and Development Institute - MARDI (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia) ditingkatkan; Konsep pertanian pintar digunakan untuk meningkatkan hasil pertanian; dan Penyebaran industri terpilih digalakkan dengan mendorong sektor swasta menempatkan semula kilang tambahan di negeri yang kurang maju dengan kemudahan fizikal, pendidikan, kesihatan dan perumahan. Kawasan-kawasan ini akan menjadi pusat pertumbuhan baharu ekonomi yang dapat menyumbang kepada pembangunan wilayah.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.179*

**37 A** Keperluan nasional bermaksud memberikan keutamaan kepada kepentingan negara. Dalam menggubal dasar luar, kepentingan negara diberi perhatian utama untuk menjaga kedaulatan mahupun dasar yang menguntungkan negara. Kepentingan ekonomi dan keamanan menyebabkan Malaysia mengamalkan dasar luar yang bebas dan berkecuali serta menjalinkan hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.197*

**38 C** Peluasan pengaruh komunis di Indochina menyebabkan ketidakstabilan kepada rantau Asia Tenggara. Hal ini menyebabkan berlakunya kebanjiran pendatang asing Vietnam di Asia Tenggara yang mana Malaysia turut terkesan dengan perkembangan tersebut.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.208*

**39 D** Pengisytiharan Deklarasi Langkawi merupakan bukti jelas komitmen Malaysia dan negara Komanwel untuk memelihara alam sekitar. Deklarasi Langkawi diadakan pada bulan Oktober 1989 bersempena dengan Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel. Deklarasi Langkawi dilaksanakan sebagai usaha menangani isu alam sekitar terutama kesan rumah hijau, kerosakan dan penipisan ozon serta pencemaran yang disebabkan aktiviti manusia yang tidak terkawal.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.238*

**40 C** Malaysia mencadangkan PBB mentadbir Antartika agar segala bentuk hasil yang terdapat di benua tersebut dapat dikongsi bersama-sama oleh semua negara. Pandangan ini mendapat sokongan daripada negara lain.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s.240*

© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

Kertas 2

## Bahagian A

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| **1**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 34-35* | **X** Media Cetak<br>**Y** Pengaruh luar dan serantau<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan faktor kemunculan gerakan nasionalisme.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] | 2 |
| **1**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 34-35* | **Penulisan kreatif**<br>F1 Hasil kesusasteraan digunakan untuk mengungkap keperitan hidup bangsa yang dijajah<br>F2 Ia juga digunakan untuk mendedahkan penderitaan rakyat<br>F3 Melalui karya novel/cerpen/puisi<br>F4 Hasil penulisan tokoh nasionalis<br>F5 Menaikkan semangat bagi memahami realiti hidup dijajah<br>F6 Novel Melor Kuala Lumpur oleh Harun Aminurrashid /cerpen Cerita Awang Putat oleh Abdul Rahim Kajai.<br>F7 Pak Sako menyindir penjajah<br>F8 Mengingatkan anak bangsa akan kepentingan menikmati kebebasan.<br>**Sistem Pendidikan**<br>F9 Pendidikan moden Islam melalui penubuhan madrasah<br>F10 Meniup semangat baharu dalam kalangan pelajar<br>F11 Melalui Madrasah al-Attas/Madrasah al-Masyhur/Madrasah/ Madrasah al-Idrisiyah<br>F12 Menerima idea nasionalisme dari ulama Kaum Muda Sumatera Barat<br>F13 Pulangnya pelajar Mesir menyebarkan idea kemajuan/ pemodenan<br>F14 Pemimpin rakyat daripada Raffles Institution di Singapura/ Maktab Melayu Kuala Kangsar atau Malay College Kuala Kangsar (MCKK)/ Maktab Perguruan Sultan Idris atau Sultan Idris Training College (SITC)<br>F15 Menuntut hak untuk mendapatkan pendidikan<br>F16 Pelajar didedahkan idea tokoh falsafah Islam dan Barat<br>F17 Memperlihatkan kelemahan bangsa yang dijajah<br>F18 Mendesak British melakukan pembaharuan<br>F19 SITC menjadi medan ilmu untuk berbincang<br>F20 Menghasilkan karya nasionalisme bagi menyedarkan masyarakat<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan mengenai penulisan kreatif dan sistem pendidikan dalam menyemarakkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat di negara kita. Calon perlu memberikan jawapan bagi kedua-dua kehendak soalan.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **1**(*c*)<br>*KBAT* | M1 Kurang penghayatan kepada sejarah negara<br>M2 Tidak mengambil iktibar daripada kesusahan perjuangan tokoh-tokoh nasionalisme membebaskan negara daripada penjajahan<br>M3 Mengambil mudah mata pelajaran sejarah dan tidak menghayati tujuan pembelajaran sejarah<br>M4 Tidak menghayati prinsip Rukun Negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan sebab semangat kemerdekaan dalam kalangan orang muda semakin pudar.<br>[*Mana-mana jawapan yang berkaitan*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| **2**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 127* | F1 Menyatukan semua negeri Melayu dalam satu pentadbiran dan dua buah Negeri-negeri Selat<br>F2 Memulihkan kedudukan kedaulatan Raja-raja Melayu<br>F3 Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain<br>F4 Menubuhkan Dewan Perundangan Negeri bagi setiap negeri<br>F5 Mengenakan syarat kewarganegaraan yang ketat<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan cadangan Jawatankuasa Kerja tersebut bagi penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] | 2 |
| **2**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 132-133* | F1 Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union<br>F2 Orang Melayu, Raja-raja Melayu, cendekiawan Melayu dan UMNO membantah pelaksanaan Malayan Union (MU)<br>F3 MU memberi kesan buruk kepada Raja-raja Melayu dan orang Melayu<br>F4 Ahli Parlimen British, Gammmans dan Rees Williams telah menyaksikan bantahan orang Melayu terhadap MU<br>F5 Mereka melaporkan hasil tinjauan kepada Dewan Parlimen British<br>F6 Gammans menyatakan keadaan huru hara jika MU dilaksanakan<br>F7 Perjanjian Persekutuan Tanha Melayu telah dijalankan rundingan Raja-raja Melayu, UMNO dan British<br>F8 Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO<br>F9 Malcolm MacDonald, Gabenor General, Sir Edward Gent (Gabenor MU) mengadakan pertemuan dengan Raja-raja Melayu<br>F10 Dalam pertemuan Raja-raja Melayu mencadangkan Penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan<br>F11 Perjanjian baharu untuk menggantikan MU<br>F12 Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor<br>F13 Raja berkuasa dalam perundangan<br>F14 Perkataan Negeri-negeri Melayu perlu muncul dalam persekutuan yang baharu<br>F15 Sultan Perak menjadi jurucakap Raja-raja Melayu mendesak British menerima usul pembentukan persekutuan sebelum membincangkan perkara lain<br>F16 Gammans dan Rees William menyampaikan surat bantahan<br>F17 Sokongan pentadbir British<br>F18 Pentadbir British menyokong konsep persekutuan kerana dapat mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemajuan ekonomi<br>F19 Terdapat pegawai tinggi British yang mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu seperti Sir Edward Gent, Malcolm MacDonald, Sir Ralph Hone, Gammans, A.T. Newboult,Roland Braddell, W.Linehan dan Theodore Adams<br>F20 Sir Ralph Hone mencadangkan agar British melibatkan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran berasaskan perlembagaan<br>F21 Memberikan kuasa tertentu kepada sultan dalam Majlis Negeri dan Majlis Perundangan<br>F22 Sir Edward Gent bertemu wakil UMNO, memberi peluang Dato' Onn Jaafar dan Raja-raja Melayu mengemukakan cadangan balas<br>F23 Pembentukan Persekutuan mewujudkan politik yang stabil<br>F24 Mendorong pelabur luar untuk melabur di negara ini | 1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br><br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br><br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br><br>1<br>1 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| 2(*c*) KBAT | M1 Kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan dalam pentadbiran<br>M2 Raja-raja Melayu terlibat dalam perundangan<br>M3 Perkenan Raja-raja Melayu bagi meluluskan rang undang-undang<br>M4 Hak istimewa orang Melayu diiktiraf<br>M5 Syarat kewarganegaraan diperketatkan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan sebab orang Melayu menerima Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948<br>[*Mana-mana jawapan yang berkaitan*]<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 3 *markah*] | 3 |
| 3(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 47* | F1 Ketua utama negara<br>F2 Tidak boleh dikenakan tindakan mahkamah kecuali Mahkamah Khas<br>F3 Isteri Yang di-Pertuan Agong digelar Raja Permaisuri Agong<br>F4 Diplih oleh Majlis Raja-Raja bagi tempoh lima tahun<br>F5 Bila-bila masa boleh meletakkan jawatan dengan menandatangani surat yang ditujukan kepada Majlis Raja-Raja.<br>F6 Boleh dipecat daripada jawatannya<br>F7 Berhenti memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong apabila tidak lagi menjadi Raja<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan kedudukan Yang di-Pertuan Agong berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 3 *markah*] | 3 |
| 3(*b*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 121-123* | F1 Yang di-Pertuan Agong memperkenankan sesuatu Rang Undang-Undang<br>F2 Melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.<br>F3 Kuasa dalam Persidangan Parlimen<br>F4 Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang.<br>F5 Baginda juga berkuasa memberhentikan dan membubarkan Parlimen.<br>F6 Kuasa dalam hal agama<br>F7 Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Agama Islam di negeri baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah.<br>F8 Ketua agama Islam di negeri-negeri lain ialah sultan atau raja yang memerintah di negeri masing-masing.<br>F9 Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab menjaga serta melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah.<br>F10 Baginda juga bertanggungjawab melindungi kepentingan sah kaum lain di Malaysia.<br>F11 Yang di-Pertuan Agong boleh membuat pengisytiharan darurat.<br>F12 Pengisytiharan darurat dibuat setelah baginda memastikan kebenaran wujudnya keadaan yang mengancam keselamatan awam dan ekonomi negara.<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan bidang kuasa YdPA dalam bidang perundangan.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 3 *markah*] | 3 |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| **3**(*c*)<br>*KBAT* | M1 Dokumen rasmi daripada kerajaan<br>M2 Yang di-Pertuan Agong merupakan punca kuasa pemerintahan<br>M3 Melibatkan surat dalam perkhidmatan awam<br>M4 Menunjukkan kepentingan urusan tersebut<br>M5 Contohnya pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)<br>M6 Ia merupakan badan yang bernaung dibawah Ynag di-Pertuan Agong<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan mengenai perkataan "Urusan Seri Paduka Baginda" tercatat pada sampul surat urusan kerajaan.<br>[*Mana-mana jawapan yang berkaitan*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **4**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 126* | F1 Kedudukan sosioekonomi penduduk berpendapatan rendah<br>F2 Terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah<br>F3 Taraf hidup yang berbeza<br>F4 Taraf pendidikan yang masih rendah<br>F5 Peluang pekerjaan yang terhad<br>F6 Masalah kesihatan dan sosial<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyenaraikan dua isu dalam rancangan Malaysia Pertama.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>11<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] | 2 |
| **4**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 127-128* | F1 Terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah<br>F2 Mempelbagaikan kegiatan ekonomi pertanian dan industri pemprosesan<br>F3 Mencari pasaran baharu bagi getah dan bijih timah<br>F4 Mempelbagaikan bidang pertanian terutama kelapa sawit dan koko.<br>F5 Mempelbagaikan pengeluaran komuditi negara<br>F6 Taraf hidup yang berbeza<br>F7 Melancarkan program pembangunan negara/ rancangan bersepadu.<br>F8 Menggerakkan aktiviti perkilangan dan pembuatan negara dengan membuka kawasan baharu<br>F9 Mempercepat integrasi dalam kalangan penduduk dan negeri di Malaysia<br>F10 Mendapatkan bantuan Bank Dunia<br>F11 Peluang pekerjaan yang terhad<br>F12 Mengurangkan kadar kelahiran<br>F13 Memperkenalkan program Perancangan Keluarga<br>F14 Menambah balik perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan langkah kerajaan untuk menangani isu di 4(a).<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **4**(*c*)<br>*KBAT* | M1 Memperkukuhkan kemampanan<br>M2 Membuka banyak peluang pekerjaan<br>M3 Membangunkan masyarakat sejahtera<br>M4 Membasmi kemiskinan dan mempelbagaikan kegiatan ekonomi<br>M5 Menuju negara berpendapatan tinggi<br>M6 Meningkatkan nilai eksport/ Nilai mata wang negara meningkat<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan ulasan tentang pernyataan tersebut. Calon perlu mengambil maklumat daripada petikan dan menambahkan dengan pendapat sendiri.<br>[*Mana-mana jawapan yang berkaitan*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| **5**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 66-67* | F1 Bermula apabila Jepun menyerang Tanah Melayu dan Pearl Harbour<br>F2 Merupakan pangkalan tentera laut Amerika di Pasifik<br>F3 Untuk melumpuhkan armada laut Amerika Syarikat<br>F4 Serangan dilancarkan ke atas wilayah jajahan Amerika Syarikat, Britain dan Belanda<br>F5 Seperti Filipina, Hong Kong, Pulau Guam dan Pulau Wake<br>F6 Amerika mengisytiharkan perang terhadap Jepun<br>F7 Strategi yang berkesan melalui darat, udara dan laut membawa kejayaan kepada Jepun<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peristiwa permulaan Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **5**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 64-65* | F1 Dasar perluasan kuasa Jepun<br>F2 Keperluan industri<br>F3 Mengurangkan kebergantungan terhadap barat<br>F4 Memerlukan wilayah untuk dapatkan bahan mentah<br>F5 Memerlukan kawasan pasaran pengaruh golongan tentera<br>F6 Mempunyai angkatan tentera paling moden di Asia<br>F7 Golongan tentera menguasai politik<br>F8 Menyelesaikan masalah ekonomi dengan menakluki kawasan<br>F9 Orde Baharu Asia<br>F10 Mewujudkan kebebasan ekonomi<br>F11 Menentang imperialisme barat<br>F12 Sekatan ekonomi terhadap Jepun<br>F13 Amerika,Britain,dan Belanda mengenakan sekatan ekonomi<br>F14 Rancangan penaklukan wilayah di selatan<br>F15 Menguasai kawasan Asia Tenggara yang kaya dengan bahan mentah<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan faktor perluasan kuasa Jepun semasa Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |
| **5**(*c*)<br>*KBAT* | M1 Ketegangan politik dan ketenteraan<br>M2 Persaingan ketenteraan yang digambarkan boleh mencetuskan perlumbaan senjata<br>M3 Meningkatkan risiko konfrontasi bersenjata di peringkat serantau<br>M4 Negara-negara jiran mungkin terlibat secara tidak langsung akibat hubungan diplomatik atau pakatan strategik<br>M5 Sekali gus memperluaskan konflik ke peringkat global<br>M6 Gangguan Ekonomi Serantau dan Global<br>M7 Ketegangan ini boleh menjejaskan perdagangan antarabangsa<br>M8 Pelabur asing mungkin hilang keyakinan terhadap kestabilan serantau<br>M9 Menyebabkan ekonomi negara-negara yang terlibat mengalami kemerosotan.<br>M10 Gangguan bekalan sumber penting<br>M11 Seperti minyak atau bahan mentah lain akan memberi kesan kepada ekonomi global.<br>M12 Krisis kemanusiaan<br>M13 Konflik berskala besar boleh menyebabkan perpindahan penduduk secara besar-besaran (pelarian) ke negara-negara jiran<br>M14 Kesan konflik juga boleh menyebabkan kemiskinan<br>M15 Kekurangan sumber makanan | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 | |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | M16 Hubungan diplomatik antara negara-negara yang terlibat dan negara lain boleh terganggu | 1 | |
| | M17 Ancaman kepada keamanan dunia | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kesan kepada kestabilan serantau dan global berdasarkan ilustrasi konflik antara kuasa-kuasa besar dunia. Calon boleh menggunakan ilustrasi yang diberikan sebagai bahan ransangan. [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |
| **6**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 200-203* | F1 Diadakan selaras peruntukan dalam Majlis PTM 1948 | 1 | |
| | F2 Kerajaan mewujudkan Jawatankuasa Pilihan raya bagi Majlis Mesyuarat Perundangan | 1 | |
| | F3 Untuk mengkaji dan membuat cadangan tentang pilihan raya | 1 | |
| | F4 Ordinan Pilihan Raya Berkuasa Tempatan diwujudkan pada tahun 1950 bagi memberi kuasa kepada majlis tempatan mengadakan pilihan raya | 1 | |
| | F5 Pilihan Raya Majlis Perbandaran George Town diadakan (1951) | 1 | |
| | F6 Memilih sembilan orang ahli Pesuruhjaya Perbandaran George Town | 1 | |
| | F7 Hari pendaftaran pemilih diadakan selama enam minggu | 1 | |
| | F8 Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur diadakan (Februari 1952) | 1 | |
| | F9 Mempertandingkan 12 kerusi | 1 | |
| | F10 Bagi kawasan Sentul Bangsar/Imbil Petaling Jaya | 1 | |
| | F11 UMNO Kuala Lumpur dan MCA Selangor adakan kerjasama dan bergabung | 1 | |
| | F12 Dikenali sebagai Perikatan | 1 | |
| | F13 Pilihan raya majlis perbandaran berikutnya Johor Bahru/lpoh/ Alor Setar/Melaka/Seremban | 1 | |
| | F14 Dimenangi Perikatan /kerjasama parti UMNO-MCA | 1 | |
| | F15 Pilihan raya negeri diadakan pada 1954 | 1 | |
| | F16 Dimenangi oleh perikatan UMNO-MCA (Menang 226/268 kerusi) | 1 | |
| | F17 Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan (April 1954) | 1 | |
| | F18 Berjaya bentuk 52 kawasan pilihan raya | 1 | |
| | F19 Rang Undang-undang Pilihan Raya PTM diluluskan (Ogos 1954) | 1 | |
| | F20 Membolehkan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan diadakan (1955) | 1 | |
| | F21 Proses pendaftaran pengundi dijalankan | 1 | |
| | F22 Proses penamaan calon (Jun 1955) | 1 | |
| | F23 Kempen pilihan raya selama 45 hari | 1 | |
| | F24 Proses mengundi (Julai 1955) | 1 | |
| | F25 Proses pengiraan undi Pengumuman keputusan | 1 | |
| | F26 Pilihanraya tempatan pertama di Sarawak tahun 1956 | 1 | |
| | F27 Bagi kawasan Kuching Municipal Council Kuching di bahagikan kepada sembilan kawasan | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan proses pilihan raya di negara kita sebelum tahun 1960. [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| 6(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 204* | F1 Kerajaan diketuai oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj<br>F2 Mengambil alih tugas mentadbir Tanah Melayu<br>F3 Daripada Pesuruhjaya Tinggi British<br>F4 Memulakan proses pertukaran dan pembaharuan<br>F5 Secara berperingkat/ambil masa<br>F6 British masih memegang tampuk kepimpinan peringkat atasan/ tentukan hala tuju negara<br>F7 Kuasa pegawai British dipindahkan kepada rakyat tempatan secara beransur-ansur<br>F8 Masih terdapat pegawai British berperanan sebagai penyelia/ penasihat keselamatan<br>F9 Pemansuhan Sistem Ahli<br>F10 Rakyat tempatan mula berperanan sebagai pentadbir<br>F11 Keanggotaan MPP oleh rakyat tempatan /Kerajaan dibentuk dan dipimpin oleh rakyat tempatan<br>F12 Ahlinya dipilih oleh rakyat<br>F13 Melalui proses pilihan raya<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kesan kemerdekaan kepada negara.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |
| 6(*c*)<br>*KBAT* | M1 Pilihan raya demokrasi unik<br>M2 Kerana memberi peluang sama rata<br>M3 Untuk bertanding dan memilih calon<br>M4 Kedua-dua pihak perlu tahu hak masing-masing<br>M5 Bagi mengelakkan sebarang permasalahan<br>M6 Ketika proses pilihan raya<br>M7 Calon yang menang selesa 2/3 kerusi mempunyai kuasa 1 hak<br>M8 Untuk membentuk dan menerajui kerajaan mengikut perlembagaan<br>M9 Wakil-wakil rakyat ini bertanggungjawab menunaikan amanah rakyat<br>M10 Pindaan undang-undang dibuat<br>M11 Untuk menambah baik pengurusan pilihan raya<br>M12 Contohnya pindaan terhadap had umur mengundi dan menjadi calon daripada 21 tahun ke 18 tahun<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan maklumat yang terdapat dalam petikan dan berikan komen. Calon perlu mengambil maklumat dari petikan dan perlu memberikan pendapat sendiri.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |
| 7(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 4-5* | F1 Kekuasaan tertinggi<br>F2 Kewibawaan sesebuah negara yang bebas<br>F3 Mempunyai hak melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara / melaksanakan undang-undang<br>F4 Supernuus / superanus dalam Bahasa Yunani<br>F5 Agung atau tertinggi<br>F6 Merujuk kepada negara yang bebas dan merdeka<br>F7 Sovereignty dalam bahasa Inggeris<br>F8 Negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan<br>F9 Daulah dalam bahasa Arab<br>F10 Kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan<br>F11 Daulat dalam bahasa Melayu<br>F12 Kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara | 1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 | |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | F13 Menurut Aristotle kuasa tertinggi dalam pemerintahan sesebuah negara | 1 | |
| | F14 Kerajaan yang terikat oleh undang-undang | 1 | |
| | F15 Menurut Ibnu Khaldun kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara berasaskan semangat kekitaan bangsanya | 1 | |
| | F16 Menurut Jean Bodin kuasa tertinggi dalam sesebuah negara | 1 | |
| | F17 Mempunyai sifat kekal | 1 | |
| | F18 Kuasa tidak terbatas untuk membuat undang-undang / mentafsir dan melaksanakannya | 1 | |
| | F19 Menurut Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj prinsip kebebasan dan keadilan | 1 | |
| | F20 Memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat | 1 | |
| | F21 Menurut Tun Dr. Mohamed Salleh Abas asas negara yang merdeka | 1 | |
| | F22 Memiliki kebebasan pada peringkat antarabangsa | 1 | |
| | F23 Hak dan kuasa untuk mengatur urusan dalam negeri tanpa telunjuk asing | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan konsep kedaulatan [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] | 4 |
| **7**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 8-9* | F1 Mempunyai pemerintahan | 1 | |
| | F2 Menjaga kestabilan politik / keamanan / pertahanan / ekonomi | 1 | |
| | F3 Pemerintahan dijalankan secara teratur | 1 | |
| | F4 Malaysia mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan | 1 | |
| | F5 Demokrasi Berparlimen | 1 | |
| | F6 Ketua Utama Negara ialah Yang di-Pertuan Agong | 1 | |
| | F7 Ketua Kerajaan ialah Perdana Menteri | 1 | |
| | F8 Dibantu oleh Jemaah Menteri | 1 | |
| | F9 Mempunyai sempadan | 1 | |
| | F10 Merupakan garis pemisah antara negeri atau negara | 1 | |
| | F11 Malaysia berkongsi sempadan darat / air / udara dengan negara Jiran | 1 | |
| | F12 Singapura / Thailand / Indonesia / Brunei / Filipina | 1 | |
| | F13 Sempadan Malaysia diakui masyarakat antarabangsa / PBB | 1 | |
| | F14 Penetapan sempadan memudahkan urusan pemerintahan / pentadbiran / pertahanan / pembangunan ekonomi | 1 | |
| | F15 Mempunyai perundangan | 1 | |
| | F16 Asas kepada peraturan negara | 1 | |
| | F17 Memelihara kesejahteraan / menjamin keadilan / melindungi rakyat | 1 | |
| | F18 Berpandukan Perlembagaan Persekutuan | 1 | |
| | F19 Parlimen bertanggungjawab menggubal / menentukan sistem perundangan negara kita | 1 | |
| | F20 Mempunyai rakyat | 1 | |
| | F21 Merupakan penduduk sesebuah negara | 1 | |
| | F22 Rakyat terikat kepada undang-undang / peraturan | 1 | |
| | F23 Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum / agama / adat resam | 1 | |
| | F24 Disatukan melalui satu bahasa / kebudayaan / Rukun Negara / identiti nasional yang sama | 1 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan ciri-ciri negara berdaulat. [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] | 8 |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| **7**(*c*)<br>*KBAT* | M1 Prasyarat penting bagi sesebuah negara untuk terus membangun serta berdaya saing.<br>M2 Sesebuah negara akan menjadi aman dan harmoni<br>M3 Kerajaan memberi fokus terhadap perancangan yang dibuat<br>M4 Melaksanakan pelbagai dasar untuk membangunkan negara demi kepentingan rakyat<br>M5 Mampu menjamin hak pembelaan sama rata tidak mengira bangsa ataupun kaum<br>M6 Elak konflik perkauman yang akan menimbulkan perasaan kurang senang antara kaum<br>M7 Rakyat mendapat pelbagai manfaat dari segi pembangunan<br>M8 Rakyat pula bebas melakukan aktiviti yang mampu merancakkan lagi ekonomi negara<br>M9 Seperti membeli belah dan melancong.<br>M10 Kemakmuran negara jelas dirasai<br>M11 Menentukan kejayaan persaingan Malaysia di persada antarabangsa<br>M12 Menarik pelabur-pelabur asing<br>M13 Suasana politik dan sistem pentadbiran kerajaan yang cekap<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kesan kestabilan politik dalam mengekalkan kedaulatan negara.<br>[*Mana-mana jawapan yang berkaitan*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>[*Maksimum*:<br>8 *markah*] | 8 |
